

PELAN PEMULIHAN NEGARA

Hala tuju Malaysia untuk keluar daripada kemelut pandemik
COVID-19 dengan selamat

[#menangbersama](#)



Malaysia
**MENANG
BERSAMA**

PRAKATA PERDANA MENTERI

Sejak tahun lalu, dunia dilanda satu krisis dahsyat akibat pandemik COVID-19 yang mengancam nyawa manusia sejagat dan mengugat ekonomi global. Setakat ini hampir 200 juta jangkitan telah dikesan seluruh dunia dan dengan munculnya varian-varian yang lebih agresif, angka ini dijangka akan terus meningkat. Impak pandemik ini pula telah menyaksikan kegawatan ekonomi global yang paling teruk pernah dialami sejak Perang Dunia ke-2.

Senasib dengan masyarakat dunia, rakyat Malaysia juga telah terpaksa mengharungi cabaran berkembar dibawa COVID-19 yang serentak mengancam keselamatan jiwa dan juga kelangsungan hidup atau punca pendapatan.

Setakat ini, Kerajaan telah menggerakkan 8 pakej stimulus dan bantuan rakyat bernilai lebih RM530 bilion. Segala pakej ini dan Belanjawan 2021 telah membolehkan kita meneruskan perang menentang penularan COVID-19, memelihara nasib rakyat dan perniagaan, memperkasakan kesihatan awam serta memastikan ketahanan ekonomi negara. Ditambah pula dengan pencapaian pesat dalam program vaksinasi kebangsaan, negara kini jelas berada di landasan pemulihan.

Di sinilah Pelan Pemulihan Negara akan memainkan peranan penting untuk merintis perjalanan Malaysia keluar dari krisis pandemik ini secara teratur dan berkesan.

Pelan ini dirangka berlandaskan pendekatan '*Whole of Nation*' (keseluruhan negara). Pendekatan sebegini akan menggembeleng kerjasama tidak berbelah bahagi seluruh anggota masyarakat dan Kerajaan dalam melaksanakan strategi peralihan keluar dari kemelut pandemik dan membolehkan rakyat kembali kepada kehidupan harian biasa melalui adaptasi norma baharu.


Majlis Pemulihan Negara yang ditubuhkan Kerajaan akan memastikan Pelan ini dilaksanakan dengan strategik, dinamik dan berkesan yakni mengimbangi usaha menyelamatkan nyawa dan kesejahteraan kehidupan rakyat berdasarkan kepada data dan sains dalam menilai indikator-indikator utama bagi merencana keputusan di peringkat nasional.

Adalah hasrat Kerajaan supaya Pelan ini menjadi lebih dari hanya panduan semua pihak dan lapisan masyarakat, malah diharapkan ia dapat menjadi pemangkin kepada kesejahteraan hidup rakyat; menjana semula kelangsungan perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara, sejajar dengan harapan kita semua untuk melihat pembukaan semula sektor ekonomi dan negara teruskan langkahnya ke arah mencapai kemakmuran bersama.

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan PPN ini dan semoga segala usaha kita mendapat keredhaan Yang Maha Esa.

Di akhir kata, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk berdiri bersama mendokong Pelan ini. Kemenangan berputik pada detik kita berganding, pada setiap langkah yang seiring, akan lebih sempurna makna pemulihan Malaysia bumi tercinta.

**YAB TAN SRI DATO'
HJ. MUHYIDDIN BIN
HJ. MOHD. YASSIN**
Perdana Menteri
Putrajaya
Julai 2021





PRAKATA

TIMBALAN PERDANA MENTERI

Sejak lebih 18 bulan yang lalu, dunia telah dikejutkan dengan kehadiran *the invisible army*, bersaiz nano, namun ianya telah memberi kesan yang besar terhadap seluruh dunia. Pandemik COVID-19 yang melanda hari ini telah mengubah landskap dunia di mana pentadbiran negara dilihat bertungkus-lumus untuk menguruskan virus yang amat dinamik ini. Krisis kesihatan yang dahsyat dalam sejarah moden ini belum pernah dialami oleh seluruh masyarakat dunia dan Malaysia tidak terkecuali dalam pergelutan yang timbul impak penularan wabak COVID-19.

Cabaran bagi memerangi sesuatu yang tidak konvensional, sentiasa berevolusi serta tidak kelihatan sudah pasti memerlukan strategi yang komprehensif dan berbeza. Tahun ini kita telah menyaksikan pelbagai kemunculan varian yang membimbangkan (VOC) yang dikenal pasti oleh para penyelidik dan yang lebih menakutkan, gelombang terbaharu varian Delta yang lebih agresif dan mudah menular telah menimbulkan satu lagi cabaran baru kepada seluruh jagatraya.

Memandangkan pandemik ini adalah sesuatu perkara baharu yang diharungi oleh setiap rakyat, pihak Kerajaan tidak mahu orang ramai kluatir dan terkapai-kapai mencari maklumat atau penjelasan. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan sentiasa telus dan kehadapan dalam penyampaian arahan serta maklumat tentang keadaan semasa kepada rakyat. Ini termasuk menjelaskan pelbagai maklumat mengenai penguatkuasaan undang-undang mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) khususnya menangani COVID-19 di seluruh negara. Pemantauan dan hebahan perkembangan harian aktiviti penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak lebih 16 bulan lalu akan terus digunakan bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan dalam pengurusan kawalan wabak.

Pewujudan Pelan Pemulihan Negara (PPN) ini dilihat tepat dalam usaha terkini pendekatan baharu Kerajaan untuk melonjakkan negara ke landasan pemulihan dengan pelbagai strategi ekonomi dan kesihatan awam bagi terus membolehkan negara keluar daripada kemelut pandemik ini. PPN yang diterajui sebuah badan penyelaras baharu iaitu Majlis Pemulihan Negara (MPN), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dan Menteri Kewangan sebagai Menteri Penyelaras, dilihat akan membantu dan melengkapkan peranan Majlis Keselamatan Negara (MKCN) sama ada di peringkat teknikal dan juga Majlis Tertinggi. Keahlian MPN yang menyeluruh gabungan pihak Kerajaan, pakar-pakar industri daripada pelbagai sektor serta wakil dari parti-parti pembangkang (Whole of Nation) turut membuktikan kesungguhan pihak Kerajaan untuk bersama-sama mencari solusi terbaik bagi membawa Malaysia keluar dari cengkaman kejam pandemik COVID-19 ini.

Ayuh Malaysia, kita pernah berjaya meraih kemenangan pada tahun lalu maka ayuh kita bekerjasama untuk melakukannya sekali lagi! Dengan usaha, perpaduan serta semangat yang cecal, kita akan terus berperang dan dengan izin Yang Maha Esa, kita berjaya memenangi peperangan ini.

**YAB DATO' SRI
ISMAIL SABRI BIN
YAAKOB**
Timbalan Perdana
Menteri
Putrajaya
Julai 2021





PRAKATA

MENTERI PENYELARAS PELAN PEMULIHAN NEGARA

Sejak pandemik global COVID-19 muncul dalam sempadan kita, 32 juta rakyat Malaysia telah hidup penuh kebimbangan dalam bayangan musibah ini.

Sepanjang ancaman COVID-19, Kerajaan telah mencatur dana dan sumber negara, khususnya dalam merumuskan 8 pakej stimulus ekonomi dan bantuan rakyat termasuk juga Belanjawan 2021 — kesemuanya bernilai lebih RM850 bilion. Syukur, pakej-pakej ini telah memberi ketahanan ekonomi, mempertingkatkan kesihatan awam dan menyokong rakyat dan negara hingga hari ini. Kita mungkin terpukul dengan dahsyat, tetapi belum lagi rebah, dan jauh sekali dari menyerah.

Pastinya yang menjadi persoalan di fikiran setiap rakyat: ke manakah langkah seterusnya?

Pada 15 Jun 2021, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Ia adalah satu strategi peralihan keluar dari kemelut pandemik COVID-19 secara teratur dan selamat.

Pelan ini memberi memperincikan empat fasa peralihan berperingkat berpandukan data, dengan mengambil kira tiga indikator utama yang akan digunakan sebagai penanda aras. Ini memberikan panduan yang telus, disertai dengan kejelasan (clarity) mengenai langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk peralihan dari satu fasa ke fasa seterusnya.

Adalah harapan Kerajaan agar pelan ini menjadi panduan kepada seluruh lapisan masyarakat merentasi pelbagai sektor dan industri untuk membuat perancangan masing-masing dalam bulan-bulan yang akan datang.

Sehubungan itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Pemulihan Negara untuk mentadbir pelan ini sementara Kementerian Kewangan telah diamanahkan sebagai penyelaras.

Selaku penyelaras PPN, Kementerian Kewangan akan memastikan pelan yang bersifat dinamik dan agile (lincah) ini akan dilaksanakan dengan baik dan diadaptasi berdasarkan situasi semasa. Ianya akan dikemaskini bukan secara rambang tetapi mengikut keperluan semasa didorong oleh data yang sahih dan terkini.

Pendekatan yang inklusif ini telah menyaksikan MPN menjemput wakil-wakil dari Kerajaan-Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak; dari parti-parti pembangkang; serta wakil-wakil dari sektor swasta, pakar industri, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berkongsi pengalaman dan nasihat dalam pelbagai aspek PPN.

Marilah kita berdoa, pelan ini menjadi wadah semangat kerjasama antara Rakyat, menjadi satu kompas penuh maslahat, agar Malaysia keluar dari pandemik ini secara sistematik dan selamat.

Kerajaan berharap dengan adanya pelan yang komprehensif dan lebih teratur ini, ia dapat memberi keyakinan dan menyuntik semangat kepada semua pihak bagi menggembeleng usaha membendung penularan COVID-19 dan memulihkan semula kehidupan rakyat sekaligus sektor ekonomi Negara.

Malaysia, menang bersama!


**YB SENATOR TENGKU
DATO' SRI UTAMA ZAFRUL
TENGKU ABD AZIZ**

Menteri Penyelaras Pelan
Pemulihan Negara
Putrajaya
Julai 2021



Rakyat seluruh negara berterima kasih tak terhingga kepada para barisan hadapan Malaysia.

Kepada para doktor, jururawat, kakitangan hospital, operator pusat vaksinasi, sukarelawan dan ramai lagi yang berkorban nyawa setiap hari supaya rakyat semua dapat hidup dengan selamat, Negara amat menghargai pengorbanan anda



RASIONAL LOGO

KONSEP BENANG DAN ANYAMAN

Selembat benang mungkin kuat.

tetapi lebih kuat dan kukuh lagi
jika lembar-lembar benang itu dijalin bersama.

Dalam 64 tahun kita sebagai satu negara,
asas negara sentiasa berteraskan
perpaduan dalam kepelbagaian

Dalam waktu yang mencabar ini,
kita memerlukan kekuatan semua.

Bersatu untuk Malaysia.

kita perlukan kekuatan bersama,
kerana 34 juta rakyat Malaysia
memerlukan kita utuh.

Demi kita semua.
Demi masa depan kita.
Demi negara tercinta.
Ayuh bersatu, untuk menang bersama.

#menangbersama #strongertogether

Kandungan



Malaysia
**MENANG
BERSAMA**

Ringkasan Eksekutif	1
1 Persekitaran Baharu	7
» Mengurus persekitaran yang semakin tidak pasti dan kompleks	
» Mendefinisi pendekatan baharu untuk pembukaan semula	
2 Hala Tuju Pelonggaran Sekatan Berasaskan Bukti	11
» Pelan Pemulihan Negara dan objektifnya	
» Pengajaran global ke arah pelonggaran sekatan	
» Gambaran Operasi Umum dan Tiga Indikator Utama	
» Pelan hala tuju empat fasa ke arah pelonggaran sekatan	
» Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan	
» Pendekatan Seluruh Negara	
» Evolusi Pelan Tindakan	
3 Memperkukuh Respons Penjagaan Kesihatan Terhadap Pandemik	25
» Memutuskan rantaian penularan melalui pengukuhan ujian saringan, pengesanan kontak dan langkah pengasingan yang dipertingkat	
» Mengurangkan morbiditi dan kematian menerusi peningkatan kapasiti penjagaan kesihatan serta pilihan rawatan lebih banyak	
» Mengekalkan sokongan yang mencukupi untuk keperluan bukan COVID-19	
4 Mengimunitasi Rakyat	35
» Menjamin bekalan vaksin secara strategik	
» Mempercepat pemberian dan pengambilan vaksin	
» Menambah baik pengalaman vaksinasi	
» Melangkah ke hadapan	
5 Membantu Rakyat dan Perniagaan	45
» Impak terhadap nyawa dan kehidupan	
» Menyokong perniagaan	
» Hubungan kait kepada pakej sokongan terdahulu	
» Komitmen untuk menyokong	
6 Kebiasaan Seterusnya	60
» Peralihan daripada pandemik kepada endemik	
» Penyusunan semula sistem penjagaan kesihatan Malaysia	
» Pembangunan semula yang lebih baik: Ke arah ekonomi yang berdaya tahan, inklusif dan kompetitif	



Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Pandemik COVID-19 terus memberi impak negatif kepada negara. Sehingga teks ini ditulis ¹, Malaysia telah merekodkan lebih daripada 927,000 kes dengan lebih 7,000 kematian, yang telah memberi kesan teruk kepada masyarakat dan ekonomi. Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah dibangunkan sebagai pelan hala tuju untuk mengawal pandemik COVID-19 serta membolehkan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara progresif. Namun, ketika Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan, cabaran-cabaran baharu muncul:

- **Varian yang lebih berbahaya:** Varian baharu yang membimbangkan terus meningkat. Paling membimbangkan ialah varian Delta dan Lambda yang lebih mudah menular dan membawa maut. Ini menyebabkan peningkatan risiko kepada kesihatan awam dan memerlukan penyesuaian strategi-strategi untuk mengawal pandemik ini;
- **Taburan kes penularan yang tidak sekata:** Di beberapa negeri, kadar penularan jangkitan menurun manakala di negeri lain, ia terus meningkat sehingga menyebabkan permintaan bagi sistem penjagaan kesihatan awam melangkaui kapasiti. Justeru, pendekatan setempat diperlukan;
- **Peningkatan penularan dalam kalangan komuniti:** Majoriti kes berpunca daripada penularan jangkitan dalam komuniti tanpa sebarang kaitan dengan kluster tertentu. Ujian saringan secara besar-besaran adalah penting bagi mengekang penularan ini; dan
- **Petugas barisan hadapan, rakyat dan perniagaan semakin lesu dan gelisah:** Langkah-langkah kawalan pergerakan telah memberi kesan terhadap perniagaan dan masyarakat. Petugas perubatan barisan hadapan semakin kelesuan manakala kelompok masyarakat rentan mengalami kepayahan dalam memenuhi keperluan asas.

Kerajaan menyedari perlunya satu pelan yang menyeluruh untuk menangani cabaran-cabaran ini, dan dengan demikian, PPN dirangka bersandarkan kepada ciri-ciri berikut:

- Ia adalah sebuah pelan ke hadapan yang mengimbangi perlindungan nyawa dan kelangsungan hidup;

- Ia bertujuan memberikan ketelusan dan kejelasan;
- Ia kekal dinamik untuk bertindak balas dengan pantas terhadap sebarang perubahan situasi;
- Ia menggunakan pendekatan Seluruh Negara; dan
- Ia menyediakan asas bagi Kerajaan untuk memantau dan menjejaki kemajuan pelaksanaan

Pelan hala tuju pelonggaran sekatan berasaskan bukti

Pelan hala tuju ini merangkumi rancangan empat fasa untuk melonggarkan sekatan secara berhati-hati dan selamat serta bersandarkan kepada kadar vaksinasi populasi. Menerusi PPN, Kerajaan mensasarkan untuk mengurangkan sekatan dalam cara yang dapat mencapai lima objektif berikut:

1. Melindungi kesihatan awam dengan menangani penularan, meminimumkan kemasukan ke hospital dan kematian;
2. Memastikan bahawa sistem penjagaan kesihatan awam dapat bertahan secara mampan;
3. Mempercepatkan vaksinasi untuk melindungi rakyat;
4. Membuka semula sektor ekonomi dan sosial secepat dan seadil mungkin; dan
5. Bersikap responsif dan fleksibel dalam penyesuaian kepada persekitaran yang sentiasa berubah.

¹ Sehingga 19 Julai 2021

Kerajaan akan memanfaatkan maklumat secara menyeluruh bagi melaksanakan penilaian yang holistik ke atas sesebuah negeri dalam melonggarkan sekatan berdasarkan lima objektif. Pendekatan ini dikenali sebagai "Gambaran Operasi Umum" Malaysia. Pada masa ini, tiga indikator khusus yang berkaitan dengan tiga objektif awal, dijadikan petunjuk kemajuan serta sangat penting dalam membantu membuat keputusan untuk melonggarkan sekatan. Indikator tersebut adalah, jumlah **kes baharu harian**, penggunaan kapasiti **Unit Rawatan Rapi (ICU)** dan **peratusan populasi yang layak, menerima vaksin lengkap**. Seiring dengan peningkatan kadar vaksinasi, Kerajaan berhasrat untuk mengalihkan fokus daripada kes baharu harian kepada jumlah kemasukan ke hospital dan kematian kerana bukti saintifik yang signifikan menunjukkan bahawa vaksin sangat berkesan dalam mencegah insiden berkenaan walaupun virus terus tersebar dalam kelompok masyarakat.

PPN menetapkan garis panduan bagi setiap fasa serta tiga nilai ambang yang akan digunakan semasa menimbang sesuatu fasa. Fasa-fasa ini diringkaskan seperti berikut:

- **Fasa 1**, sekatan diperlukan apabila berlakunya penularan virus yang tinggi dan vaksinasi sedang di peringkat awal pelaksanaan. Fasa 1 hanya membenarkan sektor perkhidmatan perlu sahaja untuk beroperasi. Pergerakan hanya dibenarkan dalam radius 10 kilometer manakala aktiviti sukan tidak dibenarkan. Lapan negeri di Malaysia telah beralih daripada fasa ini kepada Fasa 2;
- **Fasa 2**, sekatan kekal sama dengan Fasa 1 dengan beberapa pengecualian seperti penyambungan semula pembelajaran secara bersemuka dalam bilik darjah bagi pelajar yang menghadapi peperiksaan am dan peluasan senarai sektor dibenarkan beroperasi mengikut had kapasiti. Dalam Fasa 2, jumlah kes baharu harian dijangka berkurangan kepada 2,000 hingga 4,000 kes sehari seluruh negara, dengan penggunaan ICU pada paras sederhana dan antara 10% hingga 40% populasi dewasa telah diberi vaksin;

- **Fasa 3** ialah apabila semua sektor dibenarkan dibuka semula tetapi masih tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan had kapasiti kecuali sektor yang mudah terdedah kepada risiko jangkitan tinggi seperti spa, salun dan pusat hiburan. Sekolah dan institusi pengajian tinggi akan dibuka semula secara berperingkat untuk pembelajaran secara bersemuka. Pergerakan rentas negeri, berhimpun di dalam rumah dan makan di restoran dalam saiz kumpulan yang terhad juga akan dibenarkan semula. Dalam Fasa 3, bilangan kes baharu dijangka berkurangan kepada 500 hingga 2,000 kes sehari di seluruh negara. Kapasiti ICU akan berada pada paras mencukupi dan kadar vaksinasi mencapai antara 40% hingga 60% daripada populasi yang layak; dan
- **Fasa 4** akan membenarkan kebanyakan sektor untuk beroperasi tetapi tertakluk kepada pematuhan SOP penjarakan sosial dan had kapasiti. Perhimpunan sosial berskala besar dibenarkan dengan tertakluk kepada had kapasiti 50% dan perniagaan dibenarkan beroperasi pada kapasiti maksimum selain pergerakan rentas negeri juga akan dibenarkan. Fasa 4 akan melihat kadar jangkitan dapat dibendung dengan kurang daripada 500 kes baharu sehari, kapasiti ICU pada paras sederhana dan lebih 60% populasi yang layak telah menerima vaksin lengkap.

Fasa-fasa ini diguna pakai di peringkat negeri dan negara kerana risiko jangkitan virus boleh berbeza dengan signifikan mengikut lokaliti. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) boleh dilaksanakan di dalam keempat-empat fasa tersebut sebagai langkah bersasar untuk menangani kluster jangkitan dan mengelakkan seluruh negeri (atau negara) kembali ke fasa yang lebih ketat.

Selaras dengan peningkatan kadar vaksinasi, Kerajaan terbuka untuk melonggarkan sekatan dengan lebih pantas bagi mereka yang telah menerima vaksinasi lengkap. Kerajaan akan terus memantau bukti saintifik dan pengalaman negara-negara lain dalam membuat keputusan ini.

Memperkuhkan respons penjagaan kesihatan terhadap pandemik

Kerajaan akan memperkuhkan respon penjagaan kesihatan negara berdasarkan tiga tonggak. Tonggak pertama ialah memutuskan rantaian penularan melalui langkah-langkah pengukuhan saringan, pengesanan kontak dan pengasingan. Tonggak kedua ialah dengan mengurangkan morbiditi dan kematian menerusi peningkatan kapasiti penjagaan kesihatan awam dan pilihan rawatan. Tonggak terakhir ialah sistem penjagaan kesihatan awam mesti terus melindungi rakyat dengan mengekalkan sokongan yang mencukupi untuk keperluan pesakit bukan COVID-19.

Keberhasilan bersasar utama bagi penjagaan kesihatan merangkumi:

- **Memperluas usaha melakukan saringan** melalui penyediaan kaedah saringan yang lebih mudah dan murah bagi individu dan majikan. Mulai Julai 2021, kit-kit ujian saringan tambahan akan terdapat dalam pasaran termasuk lima kit saringan sendiri;
- **Mempercepatkan pengesanan kontak dan memperkenalkan laluan penjagaan baharu.** Kerajaan akan terus menambah baik peratusan kontak rapat yang berjaya dikesan dalam masa 48 jam bagi kes yang disahkan melalui pendekatan yang dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi. Pendekatan ini akan dijalinan dengan laluan penjagaan baharu yang akan dilaksanakan secara rintis di Lembah Klang mulai Ogos 2021, di mana individu yang diasing atau dikuarantin di rumah akan diberi sokongan yang ditambah baik;
- **Menyediakan lonjakan sokongan untuk *Greater Klang Valley*:** Berdasarkan situasi yang membimbangkan di kawasan *Greater Klang Valley*, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVSTF) untuk menggerakkan lonjakan sokongan, termasuk memperluaskan saringan, vaksinasi dan kapasiti ICU di kawasan berkenaan. Peruntukan tambahan

sebanyak RM300 juta telah disediakan untuk lonjakan sokongan ini; dan

- **Memperluas pilihan rawatan:** Kerajaan akan terus mengguna pakai pendekatan berasaskan bukti bagi rawatan COVID-19. Proses membawa masuk remdisivir, baricitinib dan regen-cov akan dipercepatkan bagi menyediakan lebih banyak pilihan kepada pakar perubatan untuk membantu pemulihan pesakit.

Mengimunitasi rakyat

Mengimunitasi rakyat merupakan langkah utama kepada pembukaan semula negara. Strategi imunitasi COVID-19 Malaysia melibatkan penyediaan bekalan vaksin dan mengutamakan penerima vaksin berdasarkan risiko kesihatan. Program vaksinasi semasa merangkumi semua warga negara dan penduduk berusia 18 tahun ke atas. Sasaran negara ialah untuk memberi vaksinasi lengkap kepada 40% populasi yang layak menjelang Ogos 2021, 60% populasi menjelang September 2021 dan 100% menjelang Oktober 2021. Sehingga Julai 2021, lebih 80% jumlah populasi Malaysia yang layak telah mendaftar untuk divaksinasi. Jumlah pemberian vaksin harian setakat 17 Julai 2021 adalah sebanyak 507,050 dos sehari iaitu pada kadar per kapita paling pantas di dunia.

Program vaksinasi ini akan terus dipertingkatkan bagi menambah baik pengalaman, menyediakan jadual responsif untuk janji temu vaksinasi dan mencapai sasaran waktu menunggu 1 jam di pusat-pusat vaksinasi. Selain itu, Kerajaan akan terus memantau bukti-bukti saintifik untuk disesuaikan dengan strategi vaksinasi negara pada masa hadapan seperti strategi mengimunitasikan individu berumur bawah 18 tahun. Pelan Tindakan Pembangunan Vaksin Negara juga akan dimuktamadkan pada penghujung 2021 untuk menyusun rancangan membangunkan keupayaan pengeluaran vaksinasi di Malaysia.

² Tertakluk kepada individu yang layak mendaftar untuk diberi vaksin

Membantu rakyat dan perniagaan

Sebagai sebahagian daripada peruntukan bantuan PEMULIH sebanyak RM150 bilion, Kerajaan menyasarkan untuk membantu mereka yang paling memerlukan bantuan seperti golongan B40 dan miskin tegar serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan industri yang terkesan teruk. Butiran mengenai pakej sokongan PEMULIH ada terkandung di dalam PPN. Berikut adalah sorotannya:

- **Menyokong rakyat:** Langkah-langkah bantuan tunai langsung adalah termasuk Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP). Bantuan selanjutnya merangkumi moratorium pinjaman serta penangguhan pembayaran pinjaman pendidikan, premium insurans dan sumbangan takaful. Program latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran serta inisiatif penempatan pekerjaan juga diperkenalkan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan; dan
- **Sokongan perniagaan:** Seramai 2.5 juta pekerja akan mendapat manfaat daripada Program Subsidi Upah 4.0 (PSU 4.0). Geran Khas Prihatin (GKP 4.0) akan diteruskan di mana perusahaan mikro layak menerima pembayaran *one-off* sebanyak RM500 pada September 2021 dan RM500 lagi pada November 2021. Inisiatif lain bagi menyokong kecairan perniagaan termasuk moratorium pinjaman yang bersasar dan diskaun bil utiliti.

Ketika pakej PEMULIH dirangka untuk memberikan sokongan tambahan semasa sekatan Fasa 1, pakej-pakej sokongan daripada pelan sebelumnya masih lagi disalurkan – dengan lebih RM100 bilion akan dilaksanakan pada separuh tahun kedua 2021. Kerajaan menyedari bahawa tempoh sekatan yang berpanjangan akan memerlukan sokongan yang lebih lama dan sekatan yang lebih ketat seperti semasa PKPD akan memerlukan sokongan yang lebih meluas. Oleh itu, pakej-pakej sokongan ini akan terus dikemas kini bagi memberikan sokongan yang diperlukan kepada rakyat dan perniagaan selagi mana sektor ekonomi dan sosial masih belum dibuka.

Melangkah ke arah Kebiasaan Seterusnya

Dengan COVID-19 dijangka menjadi endemik, PPN akan menyediakan pelan mengenai bagaimana rakyat Malaysia boleh hidup dengan virus ini. Terdapat peningkatan konsensus dalam kalangan komuniti saintifik bahawa COVID-19 tidak boleh dibasmi dalam masa terdekat dan akan terus menular di seluruh dunia sebagai penyakit endemik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sedang mengkaji pilihan-pilihan untuk beralih kepada Kebiasaan Seterusnya termasuk mengadakan program vaksinasi *booster* (penggalak) atau program-program vaksinasi berkala, memperkenalkan garis panduan pengalihudaraan, mewujudkan pasport vaksin untuk perjalanan dan langkah-langkah penjagaan kesihatan awam seperti memakai pelitup muka.

Kerajaan juga menyedari akan keperluan strategi pemulihan penjagaan kesihatan yang lebih komprehensif untuk menangani cabaran dan kelemahan sistem kesihatan awam yang telah timbul akibat COVID-19 dan pada masa yang sama, menangani keperluan penjagaan kesihatan jangka panjang negara. Elemen utama kepada penyusunan semula ini adalah untuk memperkukuhkan sistem daya tahan dan kesiapsiagaan bagi menghadapi pandemik pada masa depan.

Ketika negara sedang kembali pulih daripada krisis yang belum pernah terjadi sebelum ini, terdapat keperluan untuk negara bangkit kembali dengan lebih kuat dan kukuh. Oleh itu, Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dirangka untuk menangani usaha mencergaskan lagi ekonomi jangka pendek bagi menerajui pembukaan semula Malaysia dan strategi jangka sederhana untuk memulihkan ekonomi secara berstruktur. Tema-tema utama bagi kedua-dua RMKe-12 dan Bajet ini merangkumi usaha menangani jurang yang semakin ketara akibat pandemik, pemulihan semula sektor-sektor yang paling terkesan, merebut peluang pertumbuhan baharu daripada peralihan ekonomi global, memacu usaha Malaysia kepada pemulihan hijau, menyokong peralihan pekerjaan masa depan dan memacu pendigitalan serta automasi.

Sudah hampir 18 bulan semenjak pandemik ini muncul di Malaysia, seluruh **negara kini dalam keletihan**. COVID-19 telah menggugat kehidupan setiap lapisan masyarakat dan semua yang menghuni di negara ini. Petugas barisan hadapan negara kelesuan. Ramai yang telah kehilangan mereka yang tersayang dan ramai lagi yang bertarung untuk kelangsungan hidup. Beberapa bahagian dalam negara masih dalam krisis ini di mana langkah-langkah pantas yang perit tetapi perlu - terpaksa diambil untuk mengawal pandemik.

Namun begitu, masih ada sinar harapan, Malaysia mempunyai kadar vaksinasi tertinggi di Asia Tenggara hanya di belakang Singapura dan lebih daripada dua kali kadar vaksinasi berbanding Thailand dan Indonesia. Menjelang akhir Ogos 2021, lebih daripada separuh rakyat Malaysia yang layak menerima vaksin akan divaksin sepenuhnya. **Inilah langkah negara ke arah pemulihan.**

Ketika penulisan ini dibuat lebih 13 juta rakyat Malaysia di lapan negeri telah berada di dalam Fasa 2 – lebih banyak lagi bakal menyusul. Kerajaan amat komited untuk menyokong rakyat dan perniagaan melalui tempoh yang sukar ini. Langkah-langkah sokongan akan diteruskan selagi sekatan perlu dilaksanakan. Dalam melangkaui krisis ini, negara mempunyai peluang sekali dalam satu generasi untuk kembali membangun dengan lebih baik bagi mencapai visi menjadi negara yang bersatu, mampan dan makmur.



1

Persekutaran
Baharu

Persekitaran Baharu

Pandemik COVID-19 adalah sesuatu yang belum pernah berlaku dan angka kematian di peringkat global akibat virus berbahaya itu mencecah empat juta setakat Julai 2021. Malaysia mencatatkan lebih 927,000 kes dan lebih 7,000 kematian¹ dengan impak yang teruk ke atas rakyat dan ekonomi.

Matlamat utama Kerajaan adalah melindungi nyawa dan kelangsungan hidup warganegara dan semua yang tinggal di negara ini. Justeru, Pelan Pemulihan Negara (PPN) bertujuan menyediakan satu hala tuju bagi mengawal pandemik COVID-19 sambil membuka semula ekonomi dan masyarakat ke arah Kebiasaan Baharu secara progresif.


Mengurus persekitaran yang semakin tidak menentu dan kompleks

Perintah Kawalan Pergerakan Ketiga (PKP 3.0) dimulakan di seluruh negara pada 12 Mei 2021 berikutan lonjakan dalam kes baharu. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1, Malaysia mencecah angka 9,020 bagi kes baharu pada 29 Mei 2021 (atau 27.5 kes bagi setiap 100,000 populasi). Setelah mengalami penurunan sementara, kes kembali melonjak kepada 13,215 kes baharu pada 15 Julai 2021 (atau 40.4 kes bagi setiap 100,000 populasi) dan dengan itu, berlaku peningkatan kematian dan jumlah yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU). Hal ini telah menyebabkan Kerajaan mengenakan kawalan lebih ketat dalam bentuk Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan yang menjadi tumpuan termasuk sebahagian kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor. Persekitaran kali ini adalah sangat berbeza berbanding waktu negara mula berdepan dengan penularan COVID-19 pada awal 2020:

- **Kemunculan varian lebih berbahaya:** Varian Delta menjadi kebimbangan utama - kajian setakat ini menunjukkan bahawa varian ini lebih mudah berjangkit sehingga 60% berbanding varian Alpha yang juga lebih mudah berjangkit sehingga 50% berbanding virus asal yang pertama kali dikesan di Wuhan. Varian ini telah merebak dengan pantas di Malaysia dan sebanyak 40 kes baharu

dilaporkan pada akhir bulan Jun. Apabila virus ini bermutasi, varian baharu yang berbeza akan terus muncul. Terkini, varian Lambda yang telah dikesan di lebih 30 negara dilaporkan lebih ganas daripada varian Delta. Varian yang membimbangkan ini menimbulkan risiko lebih tinggi terhadap kesihatan awam dan memerlukan penyesuaian strategi untuk terus mengawal penularan virus itu;

Rajah 1.1 Kes baharu, rawatan di ICU dan kematian³



¹ Setakat 19 Julai 2021

² Scientific Pandemic Influenza Group on Modelling, Operational sub-group (SPI-M-O) (June 2021); Consensus Statement on COVID-19

³ Kementerian Kesihatan, data daripada 25 Januari hingga 19 Julai 2021

- **Taburan kes penularan yang tidak sekata:** Situasi di Kuala Lumpur dan Selangor telah mencapai paras bahaya dengan kadar kes masing-masing mencecah 34.3 dan 67.0 bagi setiap 100,000 populasi⁴ manakala sistem penjagaan kesihatan awam beroperasi melangkaui keupayaannya. Namun begitu, beberapa kawasan di Malaysia telah menunjukkan penurunan ketara seperti Kelantan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Terengganu⁵, di mana kadar kes harian adalah daripada 28.2 per setiap 100,000 populasi ke serendah 0.4⁴. Hal ini bermakna pendekatan lebih bersasar dan setempat diperlukan bagi menguruskan pandemik dalam usaha melindungi nyawa dan kelangsungan hidup;
- **Peningkatan dalam jangkitan komuniti:** Hampir 70 peratus kes⁶ tidak mempunyai kaitan dengan kluster-kluster, menunjukkan penularan berlaku dalam komuniti secara keseluruhannya berbanding pada awal penularan pandemik di mana penularan berlaku di kluster tertentu dan ujian saringan, pengesanan dan pengasingan adalah lebih bersasar. Susulan peningkatan jangkitan dalam komuniti, ujian saringan secara besar-besaran (berbanding ujian bersasar) menjadi kritikal dalam usaha membendung situasi ini; dan
- **Petugas barisan hadapan, rakyat dan perniagaan semakin lesu dan gelisah:** Kesan kumulatif langkah perintah kawalan pergerakan amat menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat serta perniagaan. Petugas kesihatan barisan hadapan mengalami kelesuan, segmen masyarakat rentan pula bergelut dengan isu kelangsungan hidup harian, perniagaan bertungkus-lumus untuk terus kekal manakala insiden berkaitan kesihatan mental semakin meningkat.

Mendefinasi pendekatan baharu untuk pembukaan semula

Malaysia tidak bersendirian dalam memerangi lonjakan kes baharu. Kebanyakan negara di Asia dan Eropah berdepan cabaran yang serupa - sebahagian besarnya didorong oleh varian Delta yang amat mudah berjangkit. Susulan itu, kebanyakan negara melaksanakan semula langkah agar rakyat duduk di rumah sambil menyesuaikan strategi nasional mereka untuk mengatasi varian baharu yang membimbangkan serta mempergiat usaha vaksinasi.

Dalam lingkungan persekitaran baharu yang tidak menentu, berkembang cepat dan semakin kompleks, Kerajaan mengenal pasti secara kritikal pendekatan baharu dalam memerangi pandemik ini. Susulan itu, PPN ini disandarkan pada lima ciri utama berikut:

- **Ini adalah pelan yang berpandangan jauh dalam usaha mengimbangi perlindungan nyawa dan kelangsungan hidup.** PPN menggariskan rancangan Kerajaan untuk mengawal pandemik COVID-19 sambil membuka semula masyarakat dan ekonomi Malaysia secara beransur-ansur. Dengan berbuat demikian, Kerajaan berhasrat untuk terus berpandukan sains dan data serta pada masa sama, mengambil pendekatan yang seimbang dan teratur ke arah pembukaan semula;
- **Pelan ini digariskan untuk ketelusan dan kejelasan.** PPN berhasrat memberikan ketelusan mengenai rancangan Malaysia untuk menuju ke arah Kebiasaan Baharu, faktor-faktor yang dipertimbangkan untuk menarik balik sekatan, serta langkah Kerajaan dalam menguruskan pandemik dan menggerakkan negara ke arah pemulihan;

⁴ Kementerian Kesihatan setakat 19 Julai 2021

⁵ Setakat 19 Julai 2021

⁶ Kementerian Kesihatan pada 30 Jun 2021

- **Pelan ini akan kekal dinamik:** Meskipun menyedari keperluan terhadap kestabilan dan kepastian, hakikatnya ialah pandemik ini telah mewujudkan persekitaran baharu yang diselubungi ketidakpastian. PPN perlu kekal dinamik supaya Malaysia dapat bertindak balas dengan cepat dan berkesan untuk menarik balik sekatan dalam komuniti bila mana situasi masih boleh diuruskan, dan untuk memerangi varian baharu yang berbahaya serta memastikan komuniti dan perniagaan disokong sepanjang tempoh peralihan ini. Kemajuan program vaksinasi yang berterusan dan bukti epidemiologi bagi kejayaan ini akan menjadi pemacu penting, tentang bagaimana strategi untuk melindungi nyawa dan kelangsungan hidup perlu diadaptasi;
- **Pelan ini memerlukan pendekatan bersepadu Seluruh Negara** dalam usaha menangani pandemik COVID-19. Negara tidak akan berjaya dalam usahanya tanpa sokongan sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin komuniti dan setiap warganegara. Kerjasama adalah amat penting untuk setiap elemen PPN - daripada menggerakkan penyedia penjagaan kesihatan swasta kepada meningkatkan kapasiti di kawasan dilanda krisis, meningkatkan usaha ujian saringan secara besar-besaran, mendorong pendaftaran dan kadar pemberian vaksinasi serta menyantuni golongan masyarakat yang amat memerlukan pertolongan pada waktu sukar ini; dan
- **Pelan ini menjadi asas kepada Kerajaan dalam memantau dan menjejak kemajuan.** Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang bertanggungjawab untuk mendorong pelaksanaan PPN. Majlis rentas kementerian ini akan menyelaras usaha Kerajaan dengan disokong oleh input pakar daripada pelbagai bidang membabitkan isu sosial, ekonomi dan kesihatan. Majlis ini akan bertindak dengan kolaborasi erat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang akan kekal dengan fungsinya sebagai badan pembuat keputusan dalam pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP), dengan nasihat MPN.

Pelan Pemulihan Negara merupakan pendekatan baharu untuk merancang dalam persekitaran baharu yang tidak menentu

Pelan ini dan langkah-langkah yang terkandung di dalamnya akan dikemas kini secara progresif berdasarkan data dan bukti saintifik berhubung situasi yang berlaku serta penilaian terhadap pelbagai senario perancangan.

Sebarang pengemaskinian akan dibuat di dalam portal PPN:



Malaysia
**MENANG
BERSAMA**



<http://pelanpemulihannegara.gov.my>



2

Hala Tuju Pelonggaran Sekatan Berasaskan Bukti

Hala Tuju Pelonggaran Sekatan Berasaskan Bukti

Sekatan-sekatan untuk membendung penularan virus ini telah mengakibatkan kos yang tinggi ditanggung oleh rakyat Malaysia. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk melonggarkan sekatan tersebut. Kerajaan telah menyediakan satu pelan hala tuju yang dapat mengekalkan kemajuan negara dan dalam masa yang sama memerangi COVID-19.

Pelan Pemulihan Negara dan objektifnya

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terbaru yang bermula pada 12 Mei 2021 telah menyebabkan kerugian harian RM1.1 bilion dari segi ekonomi. Susulan sekatan pergerakan dan keadaan ekonomi yang mencabar dalam kehidupan peribadi, isu kesihatan mental turut meningkat di mana pihak polis merekodkan 73% peningkatan purata kes bunuh diri setiap bulan di antara 2019 dan 2021¹. Sekolah telah ditutup dan digantikan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah selama hampir 10 bulan sepanjang tempoh 18 bulan lepas, yang memberi kesan buruk terhadap pembelajaran selain menambah beban penjagaan anak kepada ibu bapa.

Kerajaan menyedari keperluan mendesak untuk melonggarkan sekatan dalam usaha mengurangkan cabaran tersebut dan berhasrat untuk melaksanakannya melalui kaedah yang tidak mensia-siakan kejayaan yang telah dicapai dalam menentang virus. Adalah penting untuk mengimbangi keinginan mendesak untuk kembali kepada kehidupan normal dengan kesedaran terhadap risiko melonggarkan sekatan secara tergesa-gesa. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memberi amaran bahawa tindakan menarik balik sekatan secara pramatang mungkin menyebabkan penularan semula COVID-19 dan mengakibatkan kesan ekonomi yang berlanjutan.

Justeru, Kerajaan berhasrat untuk melonggarkan sekatan dengan kaedah yang dapat mencapai lima objektif bagi melindungi nyawa dan kelangsungan hidup:

1. Melindungi kesihatan awam dengan menguruskan jangkitan, meminimumkan kemasukan ke hospital dan kematian;
2. Memastikan sistem penjagaan kesihatan awam mampu bertahan secara mampan;
3. Mempercepatkan vaksinasi untuk melindungi rakyat;
4. Membuka semula sektor ekonomi dan sosial secepat dan seadil mungkin; dan
5. Menjadi responsif dan fleksibel dalam penyesuaian kepada persekitaran yang sentiasa berubah.

Pada 15 Jun 2021, Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) ke arah melonggarkan sekatan melalui kaedah bagi mencapai kesemua objektif tersebut. Pelan tindakan ini menjelaskan dengan lebih terperinci berhubung perancangan semasa dalam mengawal pandemik COVID-19 dan pada masa yang sama, membuka semula aktiviti ekonomi dan sosial secara berperingkat ke arah Kebiasaan Baharu. PPN adalah pelan yang dinamik dan akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

¹ Sumber: Befrienders Kuala Lumpur emotional support help centre 2021

Pengajaran global ke arah pelonggaran sekatan

Kajian di peringkat global mengenai pengalaman pembukaan semula dan panduan oleh WHO telah menyingkap beberapa pengajaran berguna yang telah diterapkan dalam penyediaan PPN Malaysia.

Pertama, dokumen yang menggariskan perancangan untuk melonggarkan sekatan perlulah dinamik dan boleh berkembang dan pengemas kiniannya diterbitkan memandangkan pemahaman dan konteks COVID-19 adalah berevolusi.

Kedua, saranan WHO dan pelan hala tuju negara lain yang memilih pendekatan berteraskan penilaian risiko secara holistik, berbanding penggunaan matrik tunggal sebagai pertimbangan untuk melonggarkan sekatan. WHO mengesyorkan penggunaan enam kriteria kualitatif yang seimbang ke arah pelonggaran sekatan COVID-19 iaitu mengawal penularan; memastikan keupayaan sistem penjagaan kesihatan awam; meminimumkan risiko penularan di lokasi seperti rumah jagaan dan fasiliti kesihatan; mendidik, melibat dan memperkasa komuniti untuk menyesuaikan diri dengan Kebiasaan Baharu; langkah-langkah pencegahan di tempat kerja, sekolah dan pelbagai lokasi perlu lain serta pengurusan risiko kes import. Negara-negara lain seperti United Kingdom (UK), Australia, New Zealand dan Singapura masing-masing telah menggunakan maklumat dan data yang meluas dalam menilai kesiapsiagaan untuk melonggarkan sekatan COVID-19.

Yang terakhir ialah papan muka tunggal atau 'Gambaran Operasi Umum' yang merangkumi maklumat penting yang dikenalpasti di peringkat tempatan dan nasional untuk digunakan oleh Kerajaan bagi membantu menyediakan asas bersama dalam membuat keputusan yang tepat untuk pembukaan semula berdasarkan bukti semasa.

Rajah 2.1 memberikan butiran lanjut mengenai pendekatan negara lain dalam menyediakan pelan hala tuju mereka ke arah pelonggaran sekatan.



Rajah 2.1: Contoh kriteria antarabangsa yang digunakan dalam menilai risiko pelanggaran sekatan



Australia

Pada Oktober 2020, Australia menerbitkan Kerangka bagi Pembukaan Semula Negara sebagai pertimbangan dan panduan ke arah pembukaan semula Australia sebagai negara 'Normal COVID' disamping menguruskan impak kesihatan akibat COVID-19.

Kerangka itu menggariskan Gambaran Operasi Umum sebagai panduan kepada negeri berkaitan empat faktor untuk pertimbangan selaras dengan pelan tiga langkah ke arah pelanggaran sekatan, iaitu:

1. Bilangan Kes;
2. Ujian saringan;
3. Penjagaan warga tua; dan
4. Kapasiti.

18 matrik telah dikenal pasti bagi mengukur risiko dan juga definisi matrik bagi menunjukkan indikator tahap risiko merah, jingga atau hijau.

Kerangka tiga langkah yang dibina untuk *COVIDSafe Australia* telah diterbitkan sebelum ini pada Mei 2020. Terkini, pada Julai 2021, Perdana Menteri Australia telah mengumumkan laluan empat fasa untuk keluar dari pandemik COVID-19 yang memfokuskan kepada tahap kritikal vaksinasi bagi melonggarkan sekatan.



United Kingdom

Bagi menyokong pelanggaran sekatan, UK menggariskan empat penilaian dalam Pelan Tindakan Musim Bunga 2021 yang diumumkan pada Februari 2021. Empat penilaian itu ialah:

1. Program pemberian vaksin terus berjaya;
2. Bukti menunjukkan keberkesanan vaksin dalam mengurangkan kadar hospitalisasi dan kematian di kalangan mereka yang telah divaksin;
3. Kadar jangkitan tidak menaikkan risiko peningkatan hospitalisasi yang akan memberi tekanan kepada Perkhidmatan Kesihatan Nasional (NHS); dan
4. Asas penilaian risiko tidak akan berubah dengan kewujudan baharu varian yang membimbangkan.

Pelbagai data dikesan dan diterbitkan dalam menilai sama ada ujian telah dipenuhi termasuk Papan Pemuka Koronavirus UK yang merangkumi ujian saringan, kes-kes, penjagaan kesihatan, vaksinasi dan kematian dengan pelbagai pengukuran matrik di peringkat nasional dan tempatan, nilai R yang mengukur kadar jangkitan dan bukti saintifik.

Setiausaha Kesihatan ketika itu, Matt Hancock, menegaskan dalam satu ucapan pada Disember 2020 bahawa "Meskipun setiap matrik mempunyai kepentingan sendiri, interaksi antara setiap indikator bagi sektor adalah sama penting, oleh itu nilai ambang yang tetap dan sering berubah pada setiap matrik adalah tidak sesuai."

Pelan Hala Tuju tersebut telah menggantikan '*Our Plan to Rebuild UK*' yang diumumkan pada Mei 2020.



New Zealand

New Zealand menggunakan penilaian risiko berdasarkan empat kriteria untuk menempuhi empat tahap amaran. Keempat-empat kriteria itu adalah:

1. Jangkitan dalam komuniti yang berterusan dan intensif dengan penularan meluas;
2. Pelbagai kes jangkitan dalam komuniti dengan kluster aktif di pelbagai wilayah;
3. Jangkitan dalam komuniti yang terhad boleh berlaku dengan kluster aktif di lebih dari satu wilayah; dan
4. Kes import sporadik dan jangkitan tempatan yang terpencil boleh berlaku di New Zealand.

Seperti UK, New Zealand tidak menggunakan sasaran spesifik namun menerbitkan pelbagai data menerusi Papan Pemuka COVID-19 NZ yang memberi maklumat bagi membolehkan keputusan dibuat. Ini termasuk data mengenai kes jangkitan, pengambilan vaksin, pengasingan serta kuarantin, dan penggunaan aplikasi pengesanan. New Zealand turut menerbitkan laporan yang mengunjurkan hasil kesihatan serta impak COVID-19. Selain itu, *StatsNZ* mengesan dan melaporkan impak COVID-19 ke atas aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial.



Singapura

Pada 20 Oktober 2020, Singapura telah membentangkan Pelan Hala Tuju peralihan dari Fasa 2 kepada Fasa 3 COVID-19, yang membolehkan tambahan saiz bagi aktiviti sosial dan acara yang lebih besar.

Pelan hala tuju ini mengambil maklum akan faktor yang membolehkan pembukaan semula ekonomi secara berterusan termasuk “meningkatkan keupayaan penjagaan kesihatan, pengesanan kontak dan kemampuan saringan, sekaligus menjadikan amalan langkah-langkah pengurusan yang selamat dalam komuniti, tempat kerja dan asrama serta pembukaan sempadan dalam keadaan yang selamat dan teratur”. Ia juga mengakui bahawa langkah ini telah membawa kejayaan “mengawal jangkitan dan mengekalkan kadar jangkitan yang rendah dalam komuniti”.

Ia turut menggariskan tiga kriteria yang membolehkan:

1. Pemuatan berterusan terhadap langkah-langkah keselamatan;
2. Ujian bagi membolehkan lebih banyak aktiviti terutamanya saringan pantas yang boleh digunakan dalam sesuatu acara; dan
3. Pengesanan kontak secara digital bagi membolehkan lebih banyak aktiviti khususnya kadar penggunaan aplikasi *TraceTogether* yang lebih tinggi.

Seperti UK dan New Zealand, Singapura turut menilai risiko secara holistik berbanding hanya bersandarkan sasaran khusus. Kriteria pertimbangan termasuk pencapaian dalam teknologi dan tingkah laku rakyat.

Pelan Hala Tuju ini telah dibangunkan dengan pendekatan berfasa untuk mengakhiri sekatan pada Mei 2020. Baru-baru ini, pasukan khas Kementerian telah mengumumkan hasrat untuk menerbitkan Pelan Hala Tuju peralihan kepada Kebiasaan Baharu susulan peningkatan kadar vaksinasi.

Gambaran Operasi Umum dan Tiga Indikator Utama

Kerajaan akan menggunakan satu set maklumat perkongsian yang meluas untuk membuat penilaian secara holistik berhubung kesediaan negara untuk melonggarkan sekatan berdasarkan lima objektif yang digelar “Gambaran Operasi Umum” Malaysia. Sebagai contoh, bagi menilai persediaan negara ke arah pelonggaran sekatan selaras dengan objektif pertama iaitu melindungi kesihatan awam dengan menguruskan jangkitan, meminimumkan kemasukan ke hospital dan kematian; matrik yang digunakan termasuk jumlah kes baharu, kadar kes bagi setiap 100,000 penduduk, jangkitan yang diukur dengan nilai RT, kadar hospitalisasi dan kadar kematian. Rajah 2.2 memberikan butiran lanjut mengenai set matrik yang akan dipertimbangkan merentasi kesemua lima objektif.

Ketika ini, tiga matrik khusus yang dikaitkan dengan tiga objektif pertama menjadi petunjuk kritikal terhadap kemajuan pencapaian objektif, dalam membuat keputusan bagi pelonggaran sekatan. Indikator utama tersebut adalah:

- **Jumlah kes baharu harian** memberi jangkakan indikasi mengenai kadar jangkitan. Angka ini tertakluk kepada kadar positifiti 5% atau lebih rendah, yang bermaksud tidak lebih daripada lima per seratus kes yang diuji di Malaysia adalah positif. Ini bagi memastikan bahawa jumlah kes baharu harian adalah menggambarkan bilangan kes nasional dan tidak terhasil akibat kekurangan ujian saringan;
- **Penggunaan Unit Rawatan Rapi (ICU)** memberikan indikasi yang baik terhadap kapasiti sistem memandangkan ia merupakan kekangan utama di kebanyakan sudut. Sekiranya kes meningkat tanpa kawalan, ia akan menyebabkan sistem ICU terbeban dan tidak mampu untuk menampung kapasiti kritikal yang lain seperti katil untuk kes COVID-19 atau petugas kesihatan yang mencukupi, sekaligus menjadikannya pengukur utama keupayaan kapasiti; dan
- **Peratusan penduduk layak yang telah mendapat vaksin penuh** digunakan sebagai matrik utama. Penduduk yang layak merujuk kepada golongan dewasa Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas, termasuk warganegara dan bukan warganegara.

Dengan mengandaikan faktor lain kekal, apabila matrik ini mencapai tahap tertentu, Kerajaan boleh mempertimbangkan pelonggaran sekatan melalui pelan hala tuju empat fasa.

Rajah 2.2: Gambaran Operasi Umum

Gambaran Operasi Umum

- Penyatuan data berhubung kemajuan lima objektif yang dikesan di peringkat negeri
- Membentuk asas bersama yang akan digunakan Kerajaan dalam membuat keputusan mengenai langkah pelonggaran sekatan
- Akan dikemas kini dan diterbitkan secara mingguan



Bagi melindungi kesihatan awam dengan menguruskan jangkitan, meminimumkan hospitalisasi dan kematian



Bagi memastikan bahawa sistem penjagaan kesihatan mampu bertahan dengan kaedah lestari



Bagi melaksanakan vaksinasi secepat mungkin untuk melindungi rakyat



Bagi membuka semula aktiviti ekonomi dan sosial dengan adil dan secepat mungkin



Bagi menjadi responsif dan fleksibel dalam menyesuaikan diri kepada persekitaran yang berubah dan berkembang

Kes baharu**

Kadar kes
Jangkitan, nilai R
Kadar hospitalisasi
Kadar kematian

Penggunaan ICU**

Penggunaan katil
Kapasiti petugas kesihatan
Ujian saringan harian
Kadar positifiti
Peraturan pengesanan kontak dalam tempoh 24 dan 48 jam

Kadar vaksinasi (divaksin sepenuhnya)**

Kadar vaksinasi (1 dos)
Kadar pendaftaran
Inventori harian

Pengwujudan peluang pekerjaan dan pengangguran

Penggulungan syarikat dan pembentukan syarikat
Keyakinan pengguna
Indikator kesihatan mental

Peraturan jangkitan oleh varian yang membimbangkan

Bukti baharu saintifik dan pendekatan antarabangsa (jangkitan secara berasingan)

** = Indikator utama bagi nilai ambang

Nota: Gambaran Operasi Umum akan memerlukan pengesanan data tertentu yang ketika ini tidak boleh didapati secara automatik. Kerajaan akan memperkukuh keupayaan yang diperlukan untuk memperoleh data yang tepat dan sesuai pada masanya untuk menyokong proses membuat keputusan

Pelan hala tuju empat fasa ke arah pelonggaran sekatan

Pelan hala tuju ini adalah pelan empat fasa ke arah pelonggaran sekatan di Malaysia bagi mencapai keseimbangan untuk kesemua lima objektif PPN. Ia menggariskan panduan bagi setiap fasa termasuk nilai ambang bagi ketiga-tiga indikator utama untuk pertimbangan peralihan fasa.

Ia telah dibangunkan berasaskan beberapa prinsip. Pertama, nilai ambang untuk ketiga-tiga indikator utama telah ditentukan sebagai indikator awal untuk pertimbangan peralihan dalam sekatan. Sebelum memutuskan peralihan ke fasa baharu, Kerajaan akan meneliti data Gambaran Operasi Umum dan bukti secara menyeluruh bagi menilai risiko.

Kedua, fasa terbabit boleh digunakan di peringkat negeri serta nasional memandangkan situasi dan risiko adalah berbeza mengikut lokaliti. Dalam menilai kriteria di peringkat negeri, nilai ambang diterjemah dalam tahap yang setara bagi lokaliti terbabit.

Ketiga, Pelan Hala Tuju ini merangkumi pandangan semasa Kerajaan terhadap pelonggaran sekatan namun ia bukan keputusan muktamad akan kaedah Malaysia menangani COVID-19. Pada masa akan datang, dokumen selanjutnya akan mengambil kira elemen lain berkaitan pemulihan dengan butiran yang lebih terperinci selain disesuaikan dengan pendekatan berdasarkan bukti terkini mengenai cara dan metodologi yang berjaya.

Kerajaan menilai empat fasa yang menyeluruh bagi pelonggaran sekatan seperti Rajah 2.3.




Butiran penuh Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Fasa 1 dan 2 boleh didapati di laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Butiran SOP bagi Fasa 3 dan 4 sedang dimuktamad



<https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp/>

Rajah 2.3: Pelan hala tuju empat fasa bagi pembukaan semula

	Fasa 1	Fasa 2
Indikator Utama		<ul style="list-style-type: none">  % penduduk dewasa yang divaksin sepenuhnya² 10%  Kes baharu harian³ <4000  Penggunaan ICU⁴ Sederhana
	Aktiviti dibenarkan	Sama seperti Fasa 1, dengan penambahan berikut..
Aktiviti sosial, komuniti & keagamaan	<p>Joging, berbasikal dan senaman luar secara individu</p> <p>Akad nikah atau pendaftaran perkahwinan dibenarkan di rumah-rumah ibadat, Persatuan Agama, Pejabat Jabatan Agama Islam atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (sehingga 10 orang)</p> <p>Kumpulan sembahyang (kapasiti maksimum tertakluk kepada garis panduan pihak berkuasa berkaitan seperti Majlis Agama Negeri atau Kementerian Perpaduan (KPN)</p> <p>Pengebumian (sehingga 10 orang)</p> <p>Tiada perhimpunan sosial</p>	
Pendidikan & jagaan	<p>Tadika dan taska untuk anak-anak petugas barisan hadapan dan mereka yang tergolong dalam perkhidmatan perlu</p> <p>Peperiksaan dan pembelajaran secara bersemuka dibenarkan bagi individu yang mengambil peperiksaan di sekolah antarabangsa</p> <p>Aktiviti terpilih di Institusi Pengajian Tinggi termasuk arahan pembelajaran secara bersemuka bagi peperiksaan antarabangsa, aktiviti badan profesional, aktiviti makmal, tertakluk kepada SOP</p> <p>Rumah jagaan dan pusat pemulihan tertakluk kepada SOP</p> <p>Semua sekolah lain ditutup dan aktiviti lain tidak dibenarkan</p>	Peperiksaan Awam dan pembelajaran secara bersemuka bagi mereka yang mengambil peperiksaan di semua sekolah
Perniagaan	<p>Hanya perkhidmatan perlu⁵ tertakluk kepada had kapasiti kecuali pertanian dan komoditi, 60% bagi sektor swasta dan 40% bagi sektor awam</p> <p>Perkhidmatan bawa pulang dari restoran</p> <p>Temuramah dan penyiaran berita</p> <p>Waktu operasi terhad bagi pasar harian</p> <p>Semua perniagaan lain ditutup atau bekerja dari rumah</p>	Senarai sektor yang dibenarkan beroperasi diperluas, tanpa had kapasiti untuk pertanian dan komoditi, 80% bagi sektor swasta dan 40% untuk sektor awam
Perjalanan domestik & antarabangsa	<p>Keluar untuk membeli keperluan asas dalam lingkungannya 10km dari rumah dan hanya 2 orang dibenarkan bagi setiap isi rumah</p> <p>Digalakkan duduk di rumah</p> <p>Dilarang merentas negeri atau daerah</p> <p>Pelancongan antarabangsa tidak dibenarkan</p>	

² Indikator berasaskan peratusan jumlah populasi dewasa yang divaksin sepenuhnya







³ Nilai ambang bagi kes COVID-19 harian tertakluk kepada kadar positifiti di bawah 5% sebagaimana ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

⁴ Berdasarkan kepada jumlah penggunaan Unit Rawatan Rapi (ICU)

⁵ Parameter Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara Berfasa



Butiran SOP adalah dinamik dan tertakluk kepada penilaian semula MKN berdasarkan penilaian risiko berterusan situasi menggunakan Gambaran Operasi Umum. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman sesawang MKN

Fasa 3		Fasa 4	
 % penduduk dewasa yang divaksin sepenuhnya ²	40%	 % penduduk dewasa yang divaksin sepenuhnya ²	60%
 Kes baharu harian ³	<2000	 Kes baharu harian ³	<500
 Penggunaan ICU ⁴	Memadai	 Penggunaan ICU ⁴	Memadai
Sama seperti Fasa 2 dengan penambahan berikut		Sama seperti Fasa 3 dengan penambahan berikut	
<p>Tetamu di rumah kediaman dibenarkan namun tertakluk kepada had kapasiti</p> <p>Semua jenis sukan</p> <p>Akad nikah atau pendaftaran perkahwinan dibenarkan di rumah-rumah ibadat, Persatuan Agama, Pejabat Jabatan Agama Islam atau JPN tertakluk kepada tambahan had kapasiti</p>		<p>Perhimpunan sosial lebih besar tertakluk kepada had kapasiti dan penjarakan fizikal</p> <p>Kumpulan ibadat tertakluk kepada kapasiti lokasi dan pematuhan SOP</p>	
<p>Taska dan tadika dibuka kepada semua</p> <p>Pembelajaran secara bersemuka di sekolah swasta, sekolah awam dan Institusi Pengajian Tinggi secara berperingkat, tertakluk kepada takwim persekolahan dan memenuhi kriteria tertentu</p>			
<p>Semua sektor boleh beroperasi kecuali yang mempunyai risiko jangkitan tinggi, (contohnya spa, rawatan kuku, pub dan pusat hiburan) tertakluk kepada had kapasiti dan pematuhan SOP</p> <p>Makan di restoran tertakluk kepada had setiap meja</p> <p>Persembahan secara langsung dan acara tanpa penonton</p> <p>Pasar malam dan pasar minggu dengan pematuhan SOP</p>		<p>Semua sektor akan beroperasi pada kapasiti penuh tertakluk kepada penjarakan sosial dan pematuhan SOP</p> <p>Makan di restoran dengan penjarakan sosial dan pematuhan SOP</p> <p>Persembahan secara langsung dan acara dengan kapasiti jumlah penonton yang terhad</p>	
<p>Perjalanan domestik dalam negeri yang sama secara berkumpulan dengan had</p>		<p>Pelancongan domestik</p> <p>Pelancongan dalam dan luar negara, tertakluk kepada penilaian risiko varian dan perjanjian dengan negara berkenaan</p>	

² Indikator berasaskan peratusan jumlah populasi dewasa yang divaksin sepenuhnya

³ Nilai ambang bagi kes COVID-19 harian tertakluk kepada kadar positifiti di bawah 5% sebagaimana yang ditetapkan oleh *World Health Organization* (WHO)

⁴ Berdasarkan kepada jumlah penggunaan Unit Rawatan Rapi (ICU)

Sumber bagi Fasa 3 dan Fasa 4: Parameter Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara Berfasa



Butiran SOP adalah dinamik dan tertakluk kepada penilaian semula MKN berdasarkan penilaian risiko berterusan situasi menggunakan Gambaran Operasi Umum. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [laman sesawang MKN](#)

Fasa 1

Fasa 1 merupakan fasa yang mengenakan sekatan paling ketat dan dilaksanakan di seluruh negara mulai 12 Mei 2021. Sekatan dalam Fasa 1 diperkenalkan susulan jangkitan virus yang tinggi, contohnya melebihi 4,000 kes baharu sehari di peringkat nasional dan kadar vaksinasi masih rendah, contohnya di bawah 10%, yang meletakkan bebanan kepada keupayaan sistem penjagaan kesihatan awam untuk menampungnya.

Sepanjang fasa ini, sekatan menjurus ke arah langkah mengekang penularan virus di kalangan penduduk dengan kadar vaksinasi yang rendah. Aktiviti sosial atau perhimpunan tidak dibenarkan sama sekali. Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi akan menggunakan kaedah pembelajaran di rumah, dengan beberapa pengecualian tertentu. Premis perniagaan akan kekal ditutup dan syarikat hendaklah beroperasi dengan kaedah bekerja dari rumah kecuali jika tergolong dalam perkhidmatan perlu. Syarikat yang tergolong dalam perkhidmatan perlu pula dikehendaki mematuhi SOP yang menghadkan kapasiti 60% (kecuali sektor pertanian dan komoditi) dan tempoh bekerja serta prosedur penjarakan yang selamat. Semua pelancongan domestik serta antarabangsa adalah disekat dan pergerakan dihadkan dalam lingkungan 10km radius dari rumah bagi dua orang daripada satu isi rumah untuk melakukan urusan penting.

Semua langkah ini adalah perlu bagi mengekang jangkitan virus dan kesan buruknya adalah ketara. Kerugian ekonomi berada pada tahap RM1.1 bilion sehari ketika seluruh negara dalam Fasa 1. Sektor-sektor yang terjejas termasuk sektor pembuatan yang menyumbang 23% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia serta penggunaan 17% daripada keseluruhan jumlah tenaga kerja, dan sektor perkhidmatan yang menyumbang 58% kepada KDNK Malaysia dan menggunakan 60% daripada keseluruhan tenaga kerja.

Daripada perspektif kesejahteraan, pemerhatian ke atas data global menghadkan pendidikan secara bersemuka mempunyai kesan buruk terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak serta kesejahteraan mereka⁶. Menghadkan kehadiran di sekolah turut memberikan kesan terhadap keupayaan ibu bapa bekerja kerana mereka perlu memantau pembelajaran secara jarak jauh sambil bekerja dari rumah. Pergerakan terhad dan beban ekonomi telah memberikan tekanan yang besar ke atas kesihatan mental dan kesejahteraan rakyat. Baru-baru ini, satu kajian yang dijalankan oleh Kolej Universiti London pada Februari 2021 ke atas penduduk UK menunjukkan bahawa tahap kerisauan dan tekanan adalah lebih tinggi ketika ini berbanding kadar purata pra-pandemik⁷ susulan sekatan pergerakan dan langkah yang berkaitan.

Fasa 2

Fasa 2 pula menyaksikan beberapa sekatan dalam Fasa 1 dilonggarkan. Setakat 19 Julai 2021, lapan negeri termasuk Kelantan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Terengganu telah beralih ke Fasa 2.

Dalam Fasa 2, masih terdapat sekatan kerana jangkitan virus tinggi dan keupayaan sistem adalah sederhana. Sebagai contoh, mungkin terdapat antara 2,000-4,000 kes baharu setiap hari, antara 10-40% penduduk yang layak divaksin dan kapasiti ICU adalah sederhana. Pemantauan rapi diperlukan dalam fasa ini bagi memastikan tidak berlaku tekanan ke atas ekonomi dan sistem penjagaan kesihatan.

Semasa fasa ini, kebanyakan sekatan ke atas aktiviti sosial, keagamaan dan komuniti, pendidikan dan penjagaan serta perjalanan akan kekal seperti dalam Fasa 1 dengan beberapa pengecualian. Pembelajaran secara bersemuka boleh diteruskan untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan umum dan antarabangsa di semua sekolah.

⁶ OECD (2020), "Focusing on the long-term impact of school closures", OECD Policy Responses to Coronavirus (COVID-19)

⁷ UCL (2021), "Social Survey Week 46-47", COVID-19 SocialStudy, Results Release 30

Aktiviti perniagaan akan diberikan beberapa kelonggaran. Lebih banyak sektor pembuatan seperti automotif, simen dan penghasilan perabot akan dibenarkan beroperasi bersama sektor perlu yang lain. Perniagaan dibenarkan beroperasi sehingga 80% kapasiti (kecuali sektor pertanian dan komoditi) dan tertakluk kepada penjarakan yang selamat dan pematuhan SOP.

Kos sosioekonomi dalam fasa ini kekal tinggi meskipun lebih rendah berbanding Fasa 1. Kerugian ekonomi harian dijangka berkurangan kepada RM550 juta didorong oleh pembukaan sektor pembuatan yang merupakan penyumbang utama kepada KDNK dan tenaga kerja di Malaysia. Dengan pembukaan sektor terbabit, terdapat sedikit peningkatan dalam mobiliti tenaga kerja memandangkan 30% daripada tenaga kerja akan dibenarkan bekerja dari premis perniagaan, dan mengurangkan risiko kehilangan pekerjaan dalam fasa ini.

Cabaran dari segi kesejahteraan rakyat dan pendidikan mungkin berterusan dalam fasa ini.

Fasa 3

Dalam Fasa 3, kadar jangkitan akan mula terkawal (sebagai contoh 500 - 2,000 kes sehari) dan apa yang penting ialah kadar pemberian vaksin mencapai tahap memadai yang memungkinkan pelonggaran sekatan. Sistem akan berupaya untuk menangani kadar jangkitan dan kapasiti ICU berada pada tahap mencukupi. Kadar vaksinasi akan mencapai skala yang besar dengan lebih 40% penduduk dewasa menerima dos vaksin yang lengkap.

Semasa Fasa 3, sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi akan dibuka semula untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka tertakluk kepada takwim persekolahan dan memenuhi kriteria tertentu. Taska dan tadika pula akan dibenarkan beroperasi untuk semua. Hanya perniagaan yang terdedah kepada risiko jangkitan yang tinggi seperti spa, salon dan pusat hiburan akan kekal ditutup manakala perniagaan lain dibenarkan beroperasi dengan kapasiti maksimum 80%. Perjalanan rentas negeri akan dibenarkan secara berkumpulan dengan bilangan yang terhad. Acara sosial berskala besar masih dilarang namun menerima tetamu atau pelawat dibenarkan di kediaman dan orang ramai dibenarkan makan di restoran tidak melebihi dua orang semeja.

Pada fasa ini, pelonggaran beberapa sekatan bergantung kepada status vaksinasi individu terbabit. Sekatan mungkin boleh dilonggarkan bagi mereka yang telah divaksin sepenuhnya.

Dengan penularan semakin berjaya dikawal dan pelonggaran sekatan dalam fasa ini, kerugian ekonomi dijangka berada pada tahap sederhana. Kerugian ekonomi harian dianggarkan bernilai RM160 juta. Pengurangan kerugian ini akan didorong oleh pembukaan sektor pembuatan dan pelancongan domestik yang merupakan penyumbang utama kepada KDNK dan tenaga kerja Malaysia. Dengan pembukaan semua sektor tersebut, akan berlaku peningkatan yang ketara dalam mobiliti tenaga kerja memandangkan 44% tenaga kerja boleh bekerja dari premis perniagaan, dan mengurangkan risiko kehilangan pekerjaan.

Pelajar akan dapat kembali ke sekolah sekaligus memberi kesan positif terhadap pembelajaran dan kesihatan mental mereka.

Fasa 4

Memandangkan majoriti penduduk dewasa telah divaksin, Fasa 4 mewakili satu peralihan kritikal ke arah Kebiasaan Baharu. Fasa 4 akan menyaksikan jangkitan virus berjaya dibendung, kapasiti sistem adalah mencukupi dan kadar vaksinasi tinggi. Ini boleh dilihat apabila terdapat kurang daripada 500 kes harian baharu, kapasiti ICU yang sederhana dan lebih 60% penduduk dewasa telah divaksin sepenuhnya. Apabila kesan vaksinasi terhadap imuniti telah terbukti, ia akan menjadi lebih bermakna untuk memantau jumlah kemasukan ke hospital dan bilangan kematian, berbanding jumlah kes.

Semasa fasa ini, banyak sekatan akan dilonggarkan. Acara besar dan perjumpaan sosial boleh diteruskan tertakluk kepada had kapasiti manakala perniagaan akan dibenarkan beroperasi dengan kapasiti maksimum tertakluk kepada penjarakan yang selamat dan pematuhan SOP. Pergerakan rentas negeri akan dibenarkan. Pelancongan masuk dan keluar antarabangsa juga berpotensi untuk diteruskan semula. Ini perlu dikaji dengan teliti sebelum pelaksanaan memandangkan situasi yang pantas berubah dan kewujudan varian baharu mudah berjangkit yang dibawa dari luar negara.

Sama seperti dalam Fasa 3, pelonggaran beberapa sekatan ini adalah berbeza dan bergantung kepada status vaksinasi seseorang individu.

Memandangkan kebanyakan ekonomi akan dibuka semula pada fasa ini, langkah-langkah rangsangan dan pemulihan adalah kritikal bagi memastikan ekonomi Malaysia tidak hanya kembali pulih seperti era pra-pandemik, malah dapat dibangunkan semula dengan lebih utuh. Langkah-langkah untuk menyokong perkara ini dijelaskan dalam Bab 6. Walaupun kehidupan mungkin tidak akan sama seperti era pra COVID-19, ini boleh memberi petanda kepada permulaan 'Kebiasaan Baharu'.




Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah langkah yang disasarkan bagi meningkatkan kawalan terhadap jangkitan virus di lokaliti tertentu yang berisiko. Langkah sedemikian mungkin dapat digunakan secara khusus daripada proses pemulihan berfasa bagi mengurangkan risiko yang timbul di daerah yang dikenalpasti serta menyasarkan kluster tertentu di sesebuah negeri. Ini boleh dilaksanakan dalam mana-mana fasa untuk mengelakkan peralihan seluruh negeri (atau negara) kembali ke fasa sebelumnya dengan sekatan yang lebih ketat.

PKPD pertama kali dilaksanakan dalam Fasa 1 pada 1 Jun 2021 di Sabah. Oleh kerana Selangor dan Lembah Klang mencatat jumlah kes yang tinggi pada bulan Julai, PKPD turut dilaksanakan di beberapa daerah bagi mengawal semula jumlah jangkitan. Setakat 16 Julai, PKPD telah ditamatkan di semua daerah Selangor.

Sekatan lebih ketat yang dilaksanakan semasa PKPD termasuk pergerakan keluar masuk dari kawasan terbahit, sekatan pergerakan dengan hanya seorang ahli keluarga dibenarkan untuk mendapatkan keperluan asas di lokasi PKPD atau dalam lingkungan 10km yang mana lebih rendah, aktiviti pergerakan dan perkhidmatan dibenarkan sehingga pukul 8 malam kecuali untuk hal kecemasan, manakala pengangkutan awam beroperasi pada kadar 50% kapasiti penumpang. Bergantung pada keadaan, langkah-langkah yang lebih ketat boleh dilaksanakan.



Pendekatan Seluruh Negara

Kejayaan pelaksanaan pelan hala tuju ini akan memerlukan pendekatan Seluruh Negara yang menyaksikan Kementerian, petugas barisan hadapan, pekerja di belakang tabir, anggota keselamatan awam, sukarelawan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat menggembleng tenaga dalam menangani COVID-19.

Koordinasi Seluruh Negara akan diterajui sebuah badan penyelaras baharu iaitu Majlis Pemulihan Negara (MPN), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dengan Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan sebagai sekretariat. Mandat MPN adalah untuk memantau, menyelaras dan memastikan kejayaan PPN. Pelaksanaan mandat ini merentasi enam bidang:

- 1. Prosedur Operasi Standard (SOP)**, yang diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), untuk menetapkan dan memastikan pelaksanaan SOP meliputi aktiviti sosial, keagamaan dan kemasyarakatan, pendidikan dan perawatan, aktiviti perniagaan, pelancongan domestik dan antarabangsa dan hak istimewa vaksinasi;
- 2. Sistem penjagaan kesihatan**, yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk terus memantau dan menguruskan ujian saringan, pengesanan kontrak, kuarantin, terapi dan rawatan bukan COVID-19;
- 3. Vaksinasi**, yang diterajui oleh KKM dan disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), untuk mengurus dan memantau, pembekalan vaksin, pengagihan vaksin oleh kerajaan dan sektor swasta, permintaan vaksin, serta keberkesanan vaksin;
- 4. Pemulihan ekonomi**, yang diterajui oleh Kementerian Kewangan (MOF), untuk memetakan kemajuan pemulihan, dan untuk memperuntuk serta melaksanakan inisiatif belanjawan seperti bantuan tunai, subsidi upah dan insentif cukai. Kesemua usaha ini akan mempunyai perkaitan dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang dibangunkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU);

5. **Sosial dan kebajikan**, yang diterajui bersama oleh KKM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) untuk mengurus dan memberikan bantuan kepada rakyat, antara lain, yang kehilangan tempat tinggal dan mengalami kesihatan mental; dan
6. **Penglibatan pihak berkepentingan**, yang diterajui oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO), untuk mengurus dan menyokong komunikasi dengan pihak berkepentingan serta melancarkan PPN.

Kerjasama erat dengan pihak berkepentingan di luar kerajaan adalah kritikal bagi mencapai kejayaan dalam pelonggaran sekatan. Pertama, Kerajaan akan terus melibatkan komuniti saintifik bagi mendapatkan nasihat serta penemuan terkini melalui Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG). EAG dianggotai wakil-wakil persatuan perubatan terkemuka Malaysia.

Kedua, sektor penjagaan kesihatan awam dan swasta akan bekerjasama bagi memastikan sumber yang ada digunakan untuk memerangi pandemik COVID-19. Ini termasuk mempercepat urusan penghantaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta bagi mengurangkan tekanan kepada kapasiti hospital awam serta mempertingkatkan kapasiti ujian saringan. Setakat bulan Julai, sektor swasta telah menyediakan 129 katil ICU untuk pesakit bukan COVID-19 dan kemudahan pemrosesan ujian saringan COVID-19 yang diperluas daripada tiga makmal kepada 92 fasiliti yang dikendalikan oleh organisasi awam dan swasta di seluruh Malaysia.

Ketiga, pandangan rakyat dan komuniti perniagaan adalah kritikal untuk memahami kemajuan pelaksanaan PPN dan apakah penyesuaian yang diperlukan. Kerajaan akan menyediakan saluran dan forum untuk memperolehi, memahami dan seterusnya bertindak ke atas maklum balas rakyat berdasarkan pengalaman yang dialami mereka.

Akhir sekali, kemampuan Malaysia untuk mencapai kemajuan dalam menangani COVID-19 bergantung kepada kelakuan kolektif semua yang menetap di negara

ini. Sekiranya semua mematuhi garis panduan dalam setiap fasa, peluang untuk negara beralih ke fasa berikutnya adalah lebih cepat. Sekiranya semua mengamalkan kebersihan diri dan memakai pelitup muka, maka risiko dijangkiti lebih berkurangan. Sekiranya semua saling bertimbang rasa dan berada di rumah ketika berasa tidak sihat, maka penularan jangkitan dapat dikurangkan.

Evolusi Pelan Hala Tuju

Pelan Hala Tuju yang dibentangkan dalam bab ini adalah berdasarkan bukti saintifik dan empirikal terbaik pada masa ini. Walaubagaimanapun, sebagaimana COVID-19 berevolusi dengan begitu cepat, begitu juga dengan pendekatan untuk menguruskannya. Oleh itu, Kerajaan berhasrat untuk mengemas kini pelan hala tuju PPN secara berkala dengan mengambil kira bukti terkini dalam aspek pengurusan virus.

Salah satu contoh kemungkinan evolusi ialah bagaimana negara memantau penularan virus ketika kadar vaksinasi meningkat. Dengan kenaikan kadar vaksinasi, banyak negara mengkaji kemungkinan sekiranya hasil klinikal COVID-19 boleh disamakan dengan influenza. Sekiranya ia berlaku, COVID-19 boleh terus berada dalam kalangan masyarakat, tetapi fokus rawatan hanya diberikan untuk kes serius yang boleh menyebabkan kemasukan ke hospital atau kematian. Dalam senario ini, fokus (dan matrik utama) boleh beralih daripada pengesanan kes harian baharu kepada pengesanan hasil kesihatan. Matrik seperti jumlah pesakit yang kritikal dan memerlukan rawatan rapi yang perlu diintubasi untuk mendapatkan oksigen, dan pemboleh ubah lain boleh menjadi lebih penting dalam menentukan sama ada sekatan akan dilonggarkan atau sebaliknya.

Kemungkinan evolusi lain ialah keistimewaan bagi mereka yang telah divaksin. Mengambil kira kadar vaksinasi yang semakin meningkat di Malaysia, Kerajaan boleh melonggarkan sekatan lebih cepat untuk mereka yang telah divaksin. Kerajaan akan terus memantau rapat bukti saintifik dan pengalaman-pengalaman negara lain dalam menentukan perkara ini.



3

**Memperkukuh
Respons Penjagaan
Kesihatan terhadap
Pandemik**

Memperkukuh Respons Penjagaan Kesihatan terhadap Pandemik


Dalam memerangi COVID-19, semua negara berdepan dengan virus yang menular dengan pantas dan bertahan untuk jangka masa yang lama, dengan individu dijangkiti tiada bergejala sehingga sepuluh hari. Hal ini meningkatkan kemungkinan individu tersebut menjangkiti orang lain. Seorang dalam setiap lima individu yang dijangkiti COVID-19 tidak mempunyai gejala namun masih boleh menjangkiti orang lain¹. Selain itu, data global menunjukkan bahawa kadar keadaan individu yang dijangkiti menjadi semakin teruk sehingga memerlukan rawatan rapi adalah sekitar 26% dan purata kadar kematian adalah sekitar 2.2% daripada jumlah kes COVID-19².

Rajah 3.1 membandingkan kes kumulatif dan kematian bagi setiap 100,000 penduduk di Malaysia dengan negara lain.

Langkah untuk mengawal pandemik ini memerlukan usaha bersepadu pihak Kerajaan dan masyarakat. Individu, ketua komuniti dan perniagaan perlu berwaspada dalam mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah penularan virus ini. Seajar dengan itu, Kerajaan akan mempercepatkan langkah-langkah bagi memperkasa sistem penjagaan kesihatan Malaysia untuk menyokong langkah ke arah melonggarkan sekatan pergerakan secara progresif dan dalam masa yang sama melindungi nyawa. Langkah-langkah ini bergantung kepada tiga tonggak iaitu:

- **Memutuskan rantaian penularan** menerusi ujian saringan, pengesanan kontak dan langkah pengasingan yang diperkukuh;
- **Mengurangkan morbiditi dan kematian** menerusi peningkatan keupayaan penjagaan kesihatan; dan pilihan rawatan yang lebih luas; dan
- **Mengekalkan sokongan yang secukupnya untuk keperluan pesakit bukan COVID-19.**

Rajah 3.1: Kes dan kematian kumulatif bagi setiap 100,000 penduduk untuk negara-negara terpilih³



Memutuskan rantaian penularan melalui ujian saringan, pengesanan kontak dan langkah pengasingan yang dipertingkatkan

Kadar keberjangkitan COVID-19 dapat diturunkan sekurang-kurangnya 40%, apabila 80% kontak rapat dapat dikesan dan dikuarantin dalam tempoh 4 hari selepas kes indeks diasingkan⁴. Hal ini memerlukan langkah-langkah yang lebih kukuh untuk Mencari, Menjejaki, Menguji, Pengasingan dan Sokongan (FTTIS) orang yang dijangkiti, termasuk:

¹ Buitrago-Garcia D, et al. (2020), "Occurrence and transmission potential of asymptomatic and presymptomatic COVID-19 infections: A living systematic review and meta-analysis", PLoS Med 17(9): e1003346

² Abate SM, Ahmed Ali S, Mantfardo B, Basu B (2020), "Rate of Intensive Care Unit admission and outcomes among patients with COVID-19: A systematic review and Meta-analysis", PLoS ONE 15(7): e0235653bate

³ Sumber: Kes baharu harian COVID-19 yang disahkan bagi setiap juta orang setakat 19 Julai 2021 – Our World in Data

⁴ M.J.Plank.et.al (2021), "Successful contact tracing systems for COVID-19 rely on effective quarantine and isolation", PLoS ONE 16(6): e0252499

Sorotan



Memperluas ujian saringan melalui solusi lebih mudah dan murah yang disediakan untuk individu dan majikan. Mulai Julai 2021, kit ujian tambahan boleh didapati di pasaran termasuk lima kit ujian sendiri.



Menjejaki 75% kontak rapat untuk pengasingan dalam tempoh selepas 48 jam bagi kes yang telah disahkan - melalui pendekatan diterajui teknologi yang memanfaatkan data mudah alih



Memperkuh sokongan untuk mereka yang menjalani kuarantin di rumah menerusi lawatan doktor, talian *hotline* dan alat swapantau



Memperluas ujian saringan, vaksinasi dan kapasiti hospital dengan peruntukan tambahan RM300 juta bagi kawasan *Greater Klang Valley*



Mempercepat proses membawa masuk ubat-ubatan baharu termasuk remdisivir, baricitinib dan regen-cov untuk memendekkan masa pemulihan

Pengembangan ujian saringan besar-besaran melalui usaha Kerajaan dan komuniti

Ujian saringan yang mencukupi penting untuk memastikan bahawa kes dikesan dan diasingkan lebih awal. Bagi mencapai perkara ini, pendekatan serampang dua mata akan diguna pakai iaitu melalui usaha oleh Kerajaan dan usaha komuniti.

Kerajaan akan mengadaptasi strategi saringan berdasarkan tahap pandemik. Sebagai contoh, di lokasi di mana kes adalah tinggi, ujian saringan akan berfokus kepada populasi bergejala. Oleh itu, kadar positifiti yang tinggi boleh dijangkakan. Di lokasi di mana jangkitan adalah terhad, ujian saringan akan berfokus kepada pengesanan awal dan kepada kawasan yang mengalami penularan semula virus. Oleh itu, kadar positifiti akan menjadi lebih rendah.

Ketika ini, Kerajaan akan meneruskan ujian saringan besar-besaran terhadap populasi dan lokasi berisiko tinggi. Ini termasuk mereka yang mempunyai pekerjaan yang berisiko tinggi, segmen populasi berisiko tinggi dan mereka yang tinggal atau bekerja di kawasan berisiko tinggi di mana penjarakan sosial sukar diamalkan (contohnya pasar basah, bekerja di kilang atau pejabat yang tertutup). Sistem Pengesanan Lokasi Panas untuk Libat Urus Dinamik (HIDE) membantu meramalkan potensi titik panas COVID-19 dan agensi persekutuan serta negeri mengambil tindakan secara bersasar. Sistem ini akan terus dipertingkatkan melalui pengembangan set data termasuk fail imej dan suara.

Bagi melengkapkan usaha Kerajaan, majikan dan individu dibenarkan untuk menjalankan ujian saringan mereka sendiri. Individu hendaklah melakukan perkara ini apabila:


- Mereka berhubung rapat dengan kes positif; atau
- Mereka mempunyai gejala yang berkaitan dengan COVID-19 seperti demam panas dan sesak nafas tanpa mengira sama ada mereka adalah kontak rapat akan turut disediakan di pasaran.

Pada masa sama, majikan digalakkan untuk memeriksa secara kerap tenaga kerja mereka terutama dengan menumpukan perhatian kepada kawasan perumahan pekerja dan mereka yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan.

Bagi menjadikan ujian saringan lebih mudah diakses, pelbagai jenis pusat ujian saringan akan dibuka termasuk secara pandu lalu dan jumpa terus (*walk-in*). Kit ujian saringan lebih murah dan lebih mudah digunakan (termasuk ujian sendiri)

Kesemua inisiatif secara sukarela oleh majikan dan individu ini penting kerana sebilangan besar kes telah merebak melalui kluster tempat kerja dan kluster komuniti. Antara April 2021 dan awal Jun 2021, jumlah kluster tempat kerja meningkat lebih dua kali ganda.

Rajah 3.2. Bilangan kluster antara April hingga Jun 2021 di Malaysia



Susulan kepentingan membendung kluster, Kerajaan boleh secara berkala mengarahkan penutupan tapak-tapak tertentu sehingga dua minggu bagi memastikan individu yang dijangkiti diasingkan lebih awal bagi melindungi orang lain. Langkah ini menyokong sekatan pergerakan yang lebih setempat ketika ekonomi dibuka semula.

Meningkatkan keupayaan ujian saringan

Meskipun pengambilan sampel ujian untuk COVID-19 boleh dilakukan oleh pegawai kesihatan di tapak dan di kebanyakan klinik dan hospital awam serta

swasta di seluruh negara, sampel ujian mesti diproses di makmal Tindak Balas Rantaian Polimerase Transkripsi Terbalik (RTPCR) COVID-19.

Sejak permulaan pandemik, Malaysia memiliki keupayaan memproses hanya 1,000 sampel sehari di tiga fasiliti. Kapasiti ini kemudian dikembangkan dengan pantas sehingga mencapai kapasiti memproses lebih 116,800 sampel ujian sehari oleh 92 buah fasiliti awam dan swasta termasuk di Sabah dan Sarawak. Peningkatan kapasiti ujian saringan ini menjadi faktor penting yang membolehkan keputusan ujian saringan diperoleh dalam tempoh 24 hingga 48 jam.

Secara keseluruhan, bermula awal tahun 2021, hampir 620,000 ujian saringan dilakukan setiap minggu dengan kadar positifiti dalam lingkungan 8 hingga 9.3%. Jumlah ujian saringan setakat 18 Julai 2021 ialah kira-kira 123,000⁵. Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus meningkatkan ujian saringan dan sasaran kapasiti makmal sehingga 124,000 sampel sehari termasuk ujian antigen, pada akhir 2021.

Memperluas pilihan ujian saringan secara berterusan berdasarkan bukti saintifik

Ketika ini, Malaysia menggunakan ujian Tindak Balas Rantaian Polimerase (PCR) dan Kit Ujian Pantas Antigen (RTK-Ag), yang menyaksikan pengumpulan sampel melalui cara calitan di tekak dan hidung. Kit ujian pantas Antigen digunakan di Malaysia Timur untuk mengatasi cabaran awal dalam mengangkut sampel ke makmal.

Mulai Julai 2021, KKM telah meluluskan penggunaan sampel air liur untuk ujian PCR dan RTK Ag. Hal ini akan membolehkan pengumpulan sampel yang dikendalikan secara sendiri dan pengesanan kes lebih cepat di kawasan yang sukar dimasuki. Kit ujian baharu yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) juga akan boleh didapati di pasaran secara berperingkat, bermula dengan lima jenis kit ujian sendiri.

⁵ Sumber: Ujian saringan harian baharu dan perkongsian kes positif harian COVID-19 – Our World in Data Malaysia

Mempercepat pengesanan kontak

Menurut garis panduan KKM, kontak rapat kes positif perlu dipantau, diuji serta dikuarantin selama sepuluh hari dan pada masa sama, diberikan bantuan perubatan dan panduan yang berkaitan.

Berikutan jumlah kes yang tinggi baru-baru ini, pendekatan yang lebih jitu akan digunakan bagi mengesan kontak dengan memanfaatkan teknologi dan data mobiliti. Dengan penyelesaian baharu itu, apabila seseorang diuji positif COVID-19, data telefon bimbitnya akan dianalisis untuk mengenal pasti kontak rapat yang berpotensi, memaklumkan mereka mengenai keperluan untuk mengkuarantin diri dan menasihati mereka untuk melakukan ujian saringan jika mereka mula menunjukkan gejala.

Ketika ini, individu yang disahkan positif COVID-19 namun tidak memerlukan kemasukan ke hospital telah diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) yang mengkehendaki mereka ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di mana mereka akan dipakaikan gelang. Bagi memberikan pengalaman lebih baik kepada individu yang dijangkiti, Perintah Pengawasan Rumah Digital HSO akan dirintis di kawasan Lembah Klang. Hal ini akan menyebabkan individu positif COVID-19 tidak lagi perlu ke CAC secara fizikal untuk dipakaikan gelang tangan.

Rajah 3.3 menunjukkan laluan rawatan baharu bagi individu yang disahkan sebagai kes indeks atau kontak rapat. Aliran ini akan dirintis di kawasan Lembah Klang mulai Ogos 2021.

Memperkuh sokongan di rumah

Daripada kes COVID-19 yang telah disahkan, kebanyakannya tidak perlu dimasukkan ke hospital kerana mereka tidak mempunyai gejala atau hanya mempunyai gejala ringan. Bagi kumpulan ini, sokongan di rumah amat penting bagi mengupaya pengesanan gejala secara sendiri dan memastikan bantuan perubatan dapat diberikan apabila diperlukan. Bantuan ini akan diberi melalui pelbagai saluran termasuk kunjungan oleh profesional penjagaan kesihatan, aplikasi layan diri dan pusat panggilan khas untuk memberi bantuan dan jangkauan kepada pesakit.

Indikator utama yang perlu dipantau bagi individu yang menjalani kuarantin atau pengasingan di rumah adalah tahap oksigen dalam darah. Sebagai bantuan, panduan akan diberi berkaitan pembelian alat oksimeter nadi (mengukur kadar oksigen dalam darah), kekerapan untuk memantau dan situasi di mana pesakit perlu meminta bantuan.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terutamanya mereka yang fokus kepada isu perubatan boleh menyumbang dengan membekalkan alat oksimeter nadi kepada keluarga B40, menyokong pemantauan di rumah dan memastikan bahawa mereka yang memerlukan bantuan perubatan dibawa ke hospital COVID-19 yang terdekat.

Menyedari bahawa pengasingan di rumah adakalanya boleh mengakibatkan kehilangan pendapatan, Kerajaan telah memperluas liputan MySalam untuk menyediakan gantian pendapatan sehingga RM50 sehari selama 14 hari tertakluk kepada had siling RM700. Bantuan ini juga diberikan kepada individu daripada golongan B40 yang didiagnos dengan COVID-19 dan perlu diasingkan.


Mempertingkatkan pengawasan bagi varian baharu

Virus sentiasa berubah melalui mutasi dan menjadi varian baharu. Data antarabangsa berkaitan varian baharu COVID-19 yang membimbangkan menunjukkan terdapat risiko penularan lebih cepat dan kemasukan ke hospital yang lebih banyak berbanding strain sedia ada. Bagi mengesan kehadiran dan penyebaran varian ini di Malaysia, Penjujukan Seluruh Genom yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) akan diperluas melalui satu konsortium membabitkan KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi Pendidikan (KPT). Sasaran awal konsortium ini adalah untuk melakukan penjujukan genom sepenuhnya bagi sekurang-kurangnya 3,000 sampel dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Sebagai tambahan kepada pengawasan domestik, Kerajaan sedang menilai langkah-langkah untuk meningkatkan perlindungan negara daripada kemasukan varian baharu dari luar negara. Ini termasuk menyemak semula permit perjalanan masuk dari negara terpilih.

Rajah 3.3: Laluan untuk individu yang telah disahkan dijangkiti atau kontak rapat

Pendekatan dan laluan rawatan baharu bagi kes COVID-19 untuk digerakkan secara berperingkat di kawasan *Greater Klang Valley*



A HSO Digital dikeluarkan, kendali ujian saringan sendiri menggunakan peralatan penilaian di rumah (HAT)

B Jika HAT Kategori 1 atau 2, pesakit perlu duduk di rumah dan melakukan ujian harian. Jangan ke PKRC atau CAC (kecuali tidak dapat asingkan diri di rumah)

C Jika rumah tidak sesuai untuk pengasingan dan kuarantin, hubungi pusat panggilan dan pergi ke CAC berhampiran

D Pergi ke CAC berhampiran atau berjumpa GP

E Jika menunjukkan gejala, dapatkan rujukan untuk ujian saringan

¹PKD – Pejabat Kesihatan Daerah
²CAC – Pusat Penilaian COVID-19
³PKRC – Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah
 HSO – Perintah Pengawasan dan Perhatian di Rumah
 GP – Pengamal Perubatan

Klasifikasi kategori kes COVID-19

Kategori 1: Tiada simptom

Kategori 2: Gejala kecil tanpa radang paru-paru

Kategori 3: Gejala kecil dan radang paru-paru

Kategori 4: Kes adalah bergejala, mengalami radang paru-paru dan memerlukan oksigen tambahan

Mengurangkan morbiditi dan kematian menerusi peningkatan kapasiti penjagaan kesihatan serta pilihan rawatan lebih banyak

Selaras dengan usaha untuk memutuskan rantai penularan, Kerajaan meneruskan langkah-langkah bagi memperluas dan memastikan kapasiti serta kemampuan sistem penjagaan kesihatan mencukupi untuk menguruskan pesakit COVID-19.

Memperluas keupayaan penjagaan kesihatan kritikal

Terdapat sebanyak 38,166 katil di hospital awam dan 1,936 katil ICU di hospital di seluruh negara setakat Julai 2021. Sejak bermulanya pandemik, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan kapasiti penjagaan kesihatan yang kritikal. Secara gabungan, tindakan ini telah membolehkan kebanyakan negeri memiliki katil ICU yang mencukupi setakat Mei 2021, dengan penggunaan katil ICU COVID-19 antara 89% hingga 102%.

Sejak 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM450 juta untuk terus memperluas kapasiti sistem penjagaan kesihatan awam (di bawah PEMERKASA+) dan RM110 juta bagi menyokong pemindahan kes dari hospital awam ke hospital swasta.

Susulan peningkatan jumlah kes baru-baru ini, kapasiti kemudahan di hospital awam semakin kritikal. Strategi utama untuk mengurangkan jumlah kes serius yang memerlukan kemasukan ke hospital pada bulan Ogos 2021 ialah dengan mempercepat program vaksinasi. Sementara itu, langkah-langkah ditambahbaik akan diambil untuk segera memenuhi keperluan kapasiti penjagaan kesihatan:

Contoh langkah-langkah yang diambil untuk menambah ketersediaan katil COVID-19 di hospital awam

Bekerjasama dengan semua Kementerian untuk mewujudkan hospital COVID-19

- Kerjasama rentas kementerian oleh KKM, KPT dan Kementerian Pertahanan mengenai penentuan hospital COVID-19. Setakat Julai 2021, sebanyak 108 buah hospital telah ditetapkan, dengan 10 daripadanya diwartakan sebagai hospital COVID-19 penuh

Memperluas fasiliti sedia ada dan pembinaan hospital medan baharu dengan pantas

- Pembinaan hospital medan dengan pantas oleh Angkatan Tentera Malaysia. Secara keseluruhan, sebanyak 596 katil hospital dan katil ICU telah disediakan
- Penubuhan ICU modular dengan pantas di hospital yang ditentukan oleh KKM

Membolehkan hospital awam fokus kepada kes COVID-19 yang lebih kritikal

- Memindahkan pesakit bukan COVID-19 tertentu ke hospital sektor swasta. Setakat Julai 2021, sebanyak 128 katil ICU swasta telah disediakan
- Menubuhkan Pusat Rawatan Kuarantin dan Risiko Rendah atau PKRC (Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19). Setakat Julai, terdapat sebanyak 31,677 katil disediakan di 127 PKRC di seluruh negara.

- **Tenaga kerja petugas kesihatan:** Penempatan semula petugas kesihatan dari negeri yang mempunyai kadar kes stabil ke kawasan *Greater Klang Valley* dan penempatan semula kakitangan kesihatan yang bertugas di CAC ke hospital. Kakitangan penjagaan kesihatan yang berkhidmat di 72 pusat ICU yang merawat pesakit COVID-19 akan mendapat peningkatan elaun daripada RM600 sebulan kepada RM1,000 sebulan; dan
- **Kapasiti ICU:** Menambah hospital COVID-19, menukarkan lebih banyak katil kepada katil ICU dan mempercepat penghantaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta.

Memandangkan jumlah kes yang tinggi di Kawasan Lembah Klang, Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVSTF) akan berfungsi sebagai nod pusat bagi menyelia kapasiti yang ada dan memperuntukannya berdasarkan keutamaan. Sebanyak RM300 juta diperuntuk bagi meningkatkan ujian, vaksinasi dan kapasiti hospital dalam usaha mengurangkan jangkitan serta kematian dengan lebih cepat. Rajah 3.4 menunjukkan tujuh bidang tumpuan yang akan diutamakan oleh Pasukan Bertindak Khas.

Memperluas Pilihan Rawatan

Cabaran utama bagi jangkitan COVID-19 ialah masih belum ada rawatan antivirus khusus, hanya terapi sokongan termasuk rawatan pernafasan jika diperlukan. Data WHO menunjukkan bahawa 15% pesakit COVID-19 mengalami komplikasi yang memerlukan bantuan oksigen, dan 5% pesakit mengalami sepsis serta pelbagai kegagalan organ.

Di peringkat antarabangsa, terdapat banyak jenis ubat yang kini digunakan semula atau dihasilkan untuk merawat COVID-19, yang sebahagiannya telah mendapat kelulusan bagi kegunaan kecemasan di negara-negara tertentu. Memandangkan semakin banyak bukti saintifik yang boleh didapati, pihak WHO dan badan penyelia nasional telah mengeluarkan syor secara bersyarat yang menentang penggunaan sesetengah terapi ini dan melarang perekrutan pesakit tambahan untuk menjalani ujian klinikal.

Malaysia akan terus mengguna pakai pendekatan berdasarkan bukti dalam rawatan COVID-19 dan telah mengambil bahagian dalam Percubaan Klinikal Solidariti bagi Rawatan COVID-19 WHO. Ketika ini, Garis Panduan Pengurusan Konsensus Malaysia bagi COVID-19 telah mengekalkan favipiravir sebagai terapi pilihan bagi antivirus COVID-19. Tiga jenis ubat yang sedang dalam proses mendapatkan kelulusan dan/atau pemerolehan ialah remdisivir (ubat antivirus), baricitinib dan regen-Cov (antibodi monoklonal).

Mengekal sokongan yang mencukupi untuk keperluan bukan COVID-19

Pengalaman global menunjukkan bahawa krisis kesihatan adakalanya boleh menyebabkan kelewatan rawatan bagi penyakit yang tidak berkaitan dengan pandemik (contohnya rawatan barah) dan gangguan terhadap aktiviti kesihatan awam secara rutin (seperti program vaksinasi bayi). Bagi mengimbangi keperluan penjagaan kesihatan rakyat yang tidak berkaitan dengan COVID-19 dan kekangan kapasiti sistem kesihatan, Kerajaan akan memanfaatkan kerjasama sektor swasta dan NGO dengan menanggungkan kes-kes yang tidak penting berdasarkan penilaian klinikal.

Antara prosedur yang boleh dilakukan secara penyumberluaran dari hospital awam kepada hospital swasta bagi memastikan pesakit masih mendapat rawatan yang mereka perlukan termasuk:

- Kes-kes penting dan separa penting yang diberi keutamaan ialah pesakit barah, jantung, pembedahan pediatrik dan buah pinggang;
- Kes elektif yang diklasifikasikan sebagai Kategori 1; dan
- Kes-kes dengan tempoh menunggu lama yang sudah luput.

Rajah 3.4: Ringkasan Pasukan Petugas Khas Lembah Klang

Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVSTF)

GKVSTF telah ditubuhkan pada 8 Julai 2021 untuk menangani keadaan mendesak dan kritikal yang timbul daripada lonjakan kes COVID-19 di Lembah Klang dan sebahagian Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.

Pasukan Bertindak Khas memiliki mandat penuh untuk memperkasakan ketahanan sistem penjagaan kesihatan, terutamanya berhubung kecukupan katil, keperluan tenaga kerja, peralatan dan bekalan perubatan, pengangkutan dan rawatan, penukaran wad COVID-19, penempatan kes, rawatan *step-up step-down*, serta pengurusan dan laluan rawatan pesakit COVID-19. Pasukan petugas akan memberi fokus kepada menggerakkan dan melaksanakan tujuh tindakan seperti yang dijelaskan di bawah.

Model ini menunjukkan komitmen penuh dan kerjasama mendalam antara agensi persekutuan dan negeri, Angkatan Tentera Malaysia, serta institusi awam dan swasta dalam menangani wabak ini secara bersama. Pendekatan yang dipertingkatkan dalam menangani pusat COVID-19 di Malaysia boleh direplikasikan di peringkat persekutuan dan negeri pada masa hadapan.

1	2	3	4	5	6	7
<p>Meningkatkan kapasiti katil dan kualiti Unit Rawatan Rapi (ICU)</p> <p>Menubuhkan sistem bersepadu untuk penyelarasan katil ICU di hospital awam dan swasta</p> <p>Mempercepat penukaran pesakit ke hospital swasta untuk mengurangkan kapasiti hospital awam</p> <p>Menggerakkan fasiliti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sebagai PKRC</p>	<p>Mengukuhkan sistem FTTIS (Mencari, Menjejaki, Menguji, Pengasingan dan Sokongan)</p> <p>Meningkatkan penggunaan teknologi serta data mobiliti dalam pengesanan dan notifikasi kontak</p> <p>Mengurangkan ujian saringan terhadap pesakit tanpa gejala dan merawat pesakit bergejala sebagai pesakit positif COVID-19 (kecuali diuji negatif)</p>	<p>Mengurangkan kemasukan ke hospital dan kematian dengan mengukuhkan bantuan serta pemantauan untuk kes yang kuarantin di rumah</p> <p>Memulakan program pengasingan dan kuarantin isi rumah – menyediakan alat oksimeter nadi serta pengagihan dan bantuan makanan</p> <p>Merekrut dan melatih pasukan sokongan bukan perubatan untuk pengawasan dan jangkauan</p> <p>Menggerakkan dan menugaskan GP untuk pemantauan di rumah</p> <p>Membenarkan doktor dan pengamal kesihatan swasta untuk menguji, menilai dan mengeluarkan HSO digital</p>	<p>Menambah bekalan perubatan dan oksigen serta mengelakkan kekurangan</p> <p>Menyelaras dan memastikan bekalan ke hospital awam dan swasta untuk ventilator, bekalan oksigen, PPE pakai buang, ubat-ubatan penting, termasuk antikoagulan, perencat IL-6</p>	<p>Menyemarakkan semula, menyokong dan memotivasi petugas barisan hadapan</p> <p>Menempatkan petugas barisan hadapan dari negeri lain</p> <p>Memperluas hospital medan dan fasiliti COVID-19</p>	<p>Mempercepat proses vaksinasi di kawasan Greater Klang Valley</p> <p>Melaksanakan <i>ring-strategy</i> untuk vaksinasi – sasaran sebanyak 100% orang dewasa diberi vaksin dos pertama pada 1 Ogos</p> <p>Memanjangkan waktu vaksinasi dan menugaskan kakitangan <i>Protect Health</i> ke semua pusat vaksin</p>	<p>Menghidupkan semula komunikasi dan penglibatan awam</p> <p>Penempatan semula pesakit kategori 1 dan 2 untuk pengasingan di rumah (bukan di CAC)</p> <p>Mendidik orang awam mengenai pendekatan pengasingan dan kuarantin, penggunaan alat oksimeter nadi dan cara-cara mendapatkan bantuan</p> <p>Memperhebatkan program jangkauan vaksinasi</p>

Pandemik ini telah mengakibatkan peningkatan jumlah kes kesihatan mental dilaporkan di Malaysia. Bagi menyediakan sokongan, talian bantuan psikososial telah ditubuhkan oleh KKM dengan kerjasama NGO. Sejumlah 145,173 panggilan diterima antara 25 Mac 2020 hingga 20 Mei 2021. Daripada jumlah itu, sebanyak 85.5% individu memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.

Pada tahun 2021, KKM telah menerima peruntukan khas sebanyak RM24.6 juta untuk Program Memperkuat Kesihatan Mental, Bahan Terlarang dan Mengelakkan Kecederaan Keganasan. Dana yang diterima akan digunakan untuk mempromosi penjagaan kesihatan mental dan mencegah masalah mental, termasuk:

- **Inisiatif-inisiatif promosi dan advokasi** seperti pelaksanaan kempen “Let’s TALK, Minda Sihat” di seluruh negara, mengadakan program memperkuat Kesihatan Mental di sekolah dan memberi peruntukan kepada NGO untuk mempromosi dan menyokong penjagaan kesihatan mental;
- **Memperkukuh perkhidmatan sokongan** seperti kesihatan mental dan perkhidmatan psikososial dalam penjagaan kesihatan primer dan komuniti, talian bantuan sokongan telepsikososial serta pengembangan perkhidmatan MENTARI; dan
- **Membangunkan Daftar Nasional berkaitan bunuh diri dan kecederaan maut** dan memperluas penyelidikan kesihatan mental.

Untuk melengkapkan inisiatif ini, Kerajaan telah memperuntukkan tambahan sebanyak RM15 juta melalui pakej PEMULIH kepada NGO yang membantu dalam isu kesejahteraan mental dan lain-lain isu sosial dalam komuniti.



4

**Mengimmunisasi
Rakyat**

Mengimmunisasi Rakyat

Mengimmunisasi populasi merupakan agenda utama bagi Malaysia sebagai tindak balas mengatasi pandemik COVID-19. Vaksin mampu mengurangkan kadar penularan virus dan risiko kesan kesihatan yang lebih teruk serta kematian jika jangkitan berterusan¹. Mencapai aras sasaran imuniti kelompok adalah kunci utama bagi membolehkan pembukaan semula negara.

Dalam merangka strategi pelaksanaan imunisasi COVID-19, Kerajaan telah mengambil kira pelbagai faktor keselamatan dan keberkesanan vaksin, serta pendekatan pelaksanaan berdasarkan keutamaan mengikut risiko kesihatan.

Sasaran nasional adalah untuk memvaksin sepenuhnya populasi yang layak pada Oktober 2021, tertakluk kepada pendaftaran individu layak untuk divaksin. Untuk mencapai hasrat ini strategi Kerajaan dirangka berasaskan kepada tiga tonggak:

- Menjamin sumber vaksin yang strategik;
- Mempercepatkan pemberian dan pengambilan vaksin; dan
- Menambah baik pengalaman vaksinasi.

Elemen Utama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)

- **Liputan:** Semua rakyat Malaysia dan penduduk berusia 18 tahun dan ke atas adalah layak mendaftar untuk divaksin. Bagi populasi yang berusia lebih muda, Kerajaan sedang memantau data baharu mengenai keselamatan vaksin itu sendiri dan sebarang perubahan dasar akan diumumkan pada masa hadapan;
- **Kos:** Di bawah program suntikan yang dilaksanakan Kerajaan, kos pelaksanaannya akan ditanggung di bawah Belanjawan Operasi Kerajaan Pusat;
- **Pilihan:** Vaksinasi amat digalakkan pengambilannya atas sebab perannya dalam imuniti kelompok. Pada masa ini, vaksinasi COVID-19 diberikan secara sukarela kepada individu yang telah memberikan persetujuan.
- **Alternatif kepada program Kerajaan Persekutuan:** Entiti seperti kerajaan negeri, hospital swasta dan majikan, adalah dialu-alukan untuk menganjurkan program vaksinasi, dengan syarat mereka mematuhi jenis vaksin yang diluluskan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan harga siling yang ditetapkan Kerajaan. Bantuan Khas Kewangan Atas Kesan Vaksin COVID-19, tidak akan terpakai untuk program-program ini.
- **Badan Pengeluar Tunggal:** Untuk memudahkan pengiktirafan antarabangsa, Kerajaan akan menjadi pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan sijil vaksinasi COVID-19. Ia akan dilaksanakan menerusi aplikasi MySejahtera. Program vaksinasi pihak swasta perlu selaras dengan platform Kerajaan bagi mendapat pengiktirafan bersepadu; dan
- **Kelebihan kepada populasi yang telah divaksin:** Kerajaan sedang mengkaji pilihan untuk melonggarkan sekatan kepada mereka yang telah divaksin sepenuhnya. Kelonggaran ini akan diumumkan pada waktunya.

¹ Centres for Disease Control and Prevention (2021), "Key Things to Know About COVID-19 Vaccines", About COVID-19 Vaccines; Polack FP, Thomas SJ, Kitchin N, et al. (2020), "Safety and efficacy of the BNT162b2 COVID-19 vaccine", New England Journal of Medicine, 383:2603-15; Baden, Lindsey R., et al (2020), "Efficacy and Safety of the mRNA-1273 SARS-CoV-2 Vaccine", New England Journal of Medicine; M Voysey et al. (2021), "Safety and efficacy of the ChAdOx1 nCoV-19 vaccine (AZD1222) against SARS-CoV-2: an interim analysis of four randomised controlled trials in Brazil, South Africa, and the UK", The Lancet, Issue 10269.

Menjamin Bekalan Vaksin yang Strategik

Usaha pemerolehan sumber bekalan vaksin di Malaysia diketuai oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV). Pendekatan pelbagai serampang telah digunakan termasuklah:

- **Perundingan Dua Hala** bersama negara pengeluar vaksin COVID-19 (termasuk China, United Kingdom, dan Amerika Syarikat) selain bersama 12 syarikat pengeluar vaksin; dan
- **Perundingan Pelbagai Hala** bersama Program Akses Global Vaksin COVID-19 (COVAX) dan Gabungan Inovasi Persediaan Wabak (CEPI).

Sehingga Julai 2021, sebanyak 79.9 juta dos vaksin telah disahkan pemerolehannya, membolehkan bekalan vaksin yang mencukupi untuk memenuhi sasaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), dengan kadar penimbal mencukupi. Daripada jumlah ini, sebanyak 19.2 juta dos telah diterima sehingga 14 Julai 2021. Menjelang Ogos 2021, dengan tambahan sebanyak 21 juta dos dijadualkan untuk diterima, lebih daripada 90% daripada keperluan vaksin semasa (berdasarkan kepada individu berdaftar) akan dipenuhi. Portfolio bekalan vaksin ditunjukkan pada Rajah 4.1.

Sebagai tambahan, Malaysia dijangka akan menerima sumbangan vaksin daripada Jepun, Amerika Syarikat dan China pada Julai 2021, di mana ianya akan dapat membantu meningkatkan lagi jumlah mereka yang akan divaksin pada bulan Ogos 2021. Dengan Kerajaan Negeri dan pihak swasta diberikan kebenaran mendapatkan vaksin mereka sendiri pada 3 Jun 2021, rakyat akan mempunyai lebih banyak pilihan untuk divaksin, sebelum akhir tahun ini.

Mempercepat Pemberian dan Pengambilan Vaksin

Bagi menyokong pembukaan semula ekonomi, Kerajaan menyasarkan untuk memvaksin 40% daripada populasi yang layak menjelang Ogos 2021, 60% daripada populasi yang layak menjelang September 2021 dan 100%² menjelang

² Bergantung kepada individu yang layak mendaftar untuk divaksin

Oktober 2021. Dalam sasaran keseluruhan ini, suntikan vaksin akan diberikan mengikut keutamaan seperti berikut:

- **Memastikan sektor kesihatan dan perkhidmatan perlu terus beroperasi:** keutamaan diberikan kepada petugas barisan hadapan yang terlibat secara langsung dalam mengekang pandemik ini seperti petugas kesihatan, sukarelawan dan kakitangan penguatkuasaan. Seterusnya, petugas dalam perkhidmatan perlu juga akan disasarkan.
- **Mengutamakan kumpulan rentan:** Kumpulan ini mempunyai risiko morbiditi dan kematian yang tinggi jika dijangkiti dan ini termasuklah warga emas, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan komorbiditi serta wanita mengandung atau menyusukan. Selaras untuk membolehkan sesi persekolahan diteruskan semula bagi pelajar yang mengambil peperiksaan kebangsaan pada tahun 2021, remaja berusia 12 hingga 18 tahun yang mempunyai masalah kesihatan, juga akan disasarkan untuk divaksin; dan
- **Mengawal penularan penyakit:** Gerakan vaksinasi bersasar akan dilaksanakan di kawasan yang mempunyai kadar jangkitan tinggi seperti di *Greater Klang Valley* melalui program seperti Operasi Lonjakan Kapasiti Lembah Klang dan vaksinasi tanpa janji temu (*walk-in*) bagi warga emas.

Garis masa vaksinasi peringkat kebangsaan dan negeri masing-masing ditunjukkan pada Rajah 4.2 dan 4.5.

Kerajaan secara berterusan telah meningkatkan kapasiti pemberian vaksin bagi mencapai sasaran imuniti kelompok. Sejak 12 Julai 2021 lebih daripada 400,000 suntikan dos sehari dilaksanakan – melebihi dua kali ganda daripada purata pemberian suntikan dos sehari, pada Jun. Kini Kerajaan merancang untuk meningkatkan suntikan kepada 482,000 dos sehari dan akan membolehkan kira-kira 36.6 juta dos disuntik pada akhir Ogos 2021. Sebaik sahaja majoriti populasi yang layak telah divaksin, kapasitinya secara beransur-ansur akan dikurangkan pada suku akhir 2021. Sasaran bulanan untuk bekalan vaksin dan suntikan masing-masing tertera dalam Rajah 4.3 dan 4.4.

Keberhasilan Utama



> 90% keperluan vaksin untuk individu berdaftar akan diterima pada akhir Ogos 2021








36.6 juta dos akan disuntik pada akhir Ogos 2021.



Inisiatif vaksinasi sektor swasta dibenarkan bermula Jun 2021

Rajah 4.1 Portfolio vaksin COVID-19 Malaysia


					
Perolehan Juta dos	44.8	12.8 ⁴	12.4	3.5	6.4
Diterima³ Juta dos	6.7	1.4	11.1	-	-
Liputan Populasi % Jumlah populasi	70%	20%	19%	11%	10%
Dos diperlukan #	2 dos	2 dos	2 dos	1 dos	2 dos
Status Kelulusan	Ya	Ya	Ya	Ya	Menunggu kelulusan NPRA

³ Setakat 14 Julai 2021

⁴ Termasuk 6.4 juta dos vaksin AstraZeneca-Oxford dari COVAX


Rajah 4.2 Garis masa vaksinasi mengikut kumpulan keutamaan

2021




⁵ Pengkategorian zon tertakluk kepada penilaian risiko Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai kadar penularan dalam komuniti

Rajah 4.3 Bekalan vaksin dan dos dirancang pada 2021 (juta dos)



Rajah 4.4 Sasaran dos harian dan bulanan untuk suntikan



Operasi vaksinasi berskala besar di seluruh negara telah dilaksanakan melalui Pusat Pemberian Vaksin (PPV) khusus. Sehingga 14 Julai 2021, terdapat lebih daripada 1,800 PPV yang beroperasi di seluruh negara termasuk 1,051 pengamal perubatan (GP) swasta dan 134 hospital swasta dengan jumlah kapasiti maksimum sebanyak 500,000 dos. Ketika vaksinasi di seluruh negara berterusan, pusat-pusat vaksinasi akan terus dibuka atau ditempatkan semula berdasarkan keperluan kumpulan sasar.


⁶Bekalan vaksin dianggarkan berdasarkan kepada jadual jangkaan penghantaran untuk bulan tersebut

⁷Sasaran dos vaksin adalah berdasarkan 100% warganegara dan penduduk yang layak

⁸Penurunan kadar suntikan harian pada September disebabkan Sarawak, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya telah melengkapkan sasaran vaksinasinya pada bulan Ogos

⁹Angka mungkin tidak berjumlah 36.6 juta dos pada akhir Ogos kerana tidak termasuk dos kumulatif yang diberikan pada akhir April 2021 (1.4 juta dos)

Rajah 4.5 Garis masa vaksinasi kepada populasi yang layak mengikut negeri



¹⁰ Tertakluk kepada individu yang mendaftar untuk diberi vaksin dan selang dos vaksin
 Nota: Semua tarikh merujuk pada hari terakhir bulan tersebut

Secara keseluruhannya masyarakat Malaysia menunjukkan minat yang tinggi untuk divaksin. Sehingga 19 Julai 2021, lebih 19 juta orang telah mendaftar – bersamaan 82% daripada populasi yang layak dan 59% daripada jumlah populasi Malaysia. Untuk kumpulan umur yang diberikan keutamaan (atas 60 tahun), 85% telah mendaftar, dengan lebih daripada 80% telahpun menerima dos pertama mereka dan lebih daripada 45% telah menerima kedua-dua dos¹¹. Rajah 4.6 menunjukkan pendaftaran dan pengambilan vaksin mengikut negeri.

Walaupun vaksinasi COVID-19 akan kekal diberikan secara sukarela, usaha berterusan dilakukan bagi mengatasi isu keraguan dan memastikan akses yang saksama. Maklumat lanjut disediakan dalam Bab 2, dengan elemen utama ditandakan di bawah:

- **Insentif:** Pelonggaran sekatan kapasiti operasi untuk syarikat yang telah berjaya memberikan vaksin kepada semua pekerja mereka, sedang dikaji bersama insentif lain bagi menggalakkan pengambilan vaksin;
- **Penerangan:** Penerangan berasaskan fakta mengenai keselamatan vaksin, kepentingan dan keberkesannya, akan terus disampaikan menerusi pelbagai platform dan bahasa, dengan kerjasama pemimpin komuniti tempatan, mengikut keperluan; dan
- **Capaian proaktif dengan model penyampaian bersesuaian:** Pusat vaksinasi 'Mini' dan boleh bangun segera akan dibuka di perkampungan Orang Asli, rumah ibadah, sekolah dan tempat bersesuaian, di kawasan yang lebih sukar untuk dimasuki, manakala pusat pandu lalu digunakan untuk golongan OKU. Vaksin yang hanya memerlukan satu dos lengkap akan diutamakan untuk populasi yang berhadapan dengan akses perhubungan (logistik) yang terhad.

Rajah 4.6: Pendaftaran vaksinasi dan status pengambilan mengikut negeri sehingga 19 Julai 2021

	Pendaftaran ¹²	Kemajuan Vaksinasi ¹²	
		Dos 1 (%)	Dos 2 (%)
W.P KL, Putrajaya dan Selangor	106%	65%	21%
Negeri Sembilan	96%	55%	21%
W.P. Labuan	88%	87%	65%
Sarawak	86%	77%	46%
Johor	88%	26%	14%
Melaka	89%	36%	19%
Pulau Pinang	87%	38%	16%
Perlis	84%	50%	36%
Pahang	73%	28%	17%
Perak	74%	31%	16%
Kedah	73%	27%	15%
Terengganu	72%	34%	18%
Kelantan	59%	27%	17%
Sabah	36%	18%	13%
Malaysia	82%	43%	20%

¹¹ Sehingga 10 Julai 2021

¹² Berdasarkan kepada populasi yang layak. Pendaftaran atau dos melebihi 100% menunjukkan orang ramai yang tinggal di luar negeri tersebut telah mendaftar di situ



Menambah Baik Pengalaman Vaksinasi

Dalam usaha Kerajaan untuk memberikan vaksin kepada seramai orang yang mungkin dalam tempoh paling pantas, Kerajaan komited untuk memastikan rakyat mempunyai pengalaman mendapatkan vaksinasi secara teratur dan cekap. Kerajaan memberi penekanan kepada cara pendaftaran yang mudah, penjadualan janji temu vaksinasi yang responsif dan masa pantas menunggu di pusat-pusat vaksinasi.

Pelbagai saluran secara dalam talian dan fizikal telah disediakan bagi memudahkan proses pendaftaran seperti gambar rajah di bawah.

Saluran-Saluran Pendaftaran PICK



Aplikasi
MySejahtera



Program *outreach* untuk
kawasan pedalaman dan
terpencil



Laman
sesawang
[JKJAV](#)



Hotline:
1800-888-828



Fasiliti kesihatan
swasta dan awam

Berdasarkan kepada pendaftaran yang telah disahkan, janji temu vaksinasi akan mengambil kira bekalan dan pertimbangan logistik (kebiasaannya hanya boleh dianggarkan dalam tempoh 2-3 minggu), mengikut keutamaan peringkat nasional (contohnya warga emas, orang dengan masalah morbiditi, ibu mengandung, pelajar yang akan mengikuti pengajian di luar negara) selain keutamaan mengikut kawasan bagi membendung pandemik tersebut (contohnya zon merah).

Pemerolehan bekalan vaksin adalah mencukupi bagi membolehkan mereka yang berdaftar sebelum Julai dan divaksinasi menjelang Ogos 2021.

Selaras dengan hasrat untuk mempercepatkan jadual vaksinasi, Kerajaan secara berterusan meningkatkan lagi kecekapan pusat vaksinasi. Sasarannya ialah untuk individu melengkapkan proses vaksinasi mereka dalam tempoh satu jam, dari masa daftar masuk di PPV, sehingga masa tamat tempoh pemantauan.

Melangkah ke hadapan

Pandemik COVID-19 yang belum pernah berlaku pada skala besar telah memaksa negara di seluruh dunia mengambil tindakan untuk menghasilkan vaksin baharu dalam tempoh yang pantas. Oleh sebab itu penemuan saintifik sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa, iaitu berkaitan dengan tempoh keberkesanan, tempoh masa antara dos yang optimum, keselamatan vaksin untuk populasi berusia lebih muda, selain keberkesanan vaksin terhadap varian baharu.

Dalam erti kata lain, Kerajaan akan sentiasa memantau secara dekat bukti baharu dan pada tempoh masa yang sama Kerajaan akan terus fokus untuk menyempurnakan proses vaksinasi yang sedang berjalan.

Pengumuman dasar akan datang (sebagai contoh berkaitan individu bawah 18 tahun) akan bergantung kepada penilaian bukti tambahan

Pada masa sama, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) diperuntukkan RM15 juta bagi melakukan pengawasan genomik dan pengawasan imuniti, bagi mendapatkan maklumat sejauh manakah imuniti yang telah terbentuk dalam komuniti. Analisa ini akan membolehkan Kerajaan mengenal pasti dasar tambahan, bagi mempertingkatkan lagi tahap imunisasi populasi.

Dalam usaha menjadikan Malaysia lebih berdaya tahan bagi menghadapi krisis pada masa hadapan, usaha untuk mempercepatkan keupayaan pembangunan dan pengeluaran vaksin yang dihasilkan di Malaysia sedang dijalankan. Bagi menggerakkan pencapaian objektif ini, Kerajaan kini dalam proses menyediakan draf Pelan Pembangunan Vaksin Nasional, yang akan siap pada hujung tahun 2021.



5

**Membantu
Rakyat dan
Perniagaan**

Sokongan kepada Rakyat dan Perniagaan

Pandemik COVID-19 bukan sahaja telah memberikan kesan terhadap nyawa rakyat, tetapi juga kehidupan mereka. Ia telah menyebabkan kehilangan pekerjaan, kerugian ekonomi dan memberi kesan besar terhadap kesejahteraan rakyat dan perniagaan. Justeru, Kerajaan telah melancarkan pelbagai mekanisme sokongan yang signifikan bagi membantu negara menempuh tempoh yang sukar ini.

Impak terhadap nyawa dan kelangsungan kehidupan

Bagi menangani impak pandemik terhadap kehidupan rakyat, Kerajaan telah melancarkan pelbagai pakej bantuan kewangan dengan fokus untuk melindungi kehidupan seharian. Pakej – pakej ini yang berjumlah keseluruhannya lebih RM500 billion adalah termasuk inisiatif di bawah Belanjawan 2021 (November 2020), PRIHATIN (Mac 2020), PENJANA (Jun 2020), KitaPrihatin (September 2020), PERMAI (Januari 2021), PEMERKASA (Mac 2021) dan PEMERKASA+ (Mei 2021).

Pada 28 Jun 2021, bagi terus menyokong rakyat dan perniagaan yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0), YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bantuan kewangan tambahan dengan nilai berjumlah lebih daripada RM150 bilion menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). PEMULIH dikhususkan bagi memenuhi keperluan Fasa 1 dengan berpandukan situasi sekatan dalam fasa tersebut. Maklumat penuh sokongan PEMULIH yang disediakan untuk rakyat dapat dilihat dalam Rajah 5.1. dan untuk perniagaan dalam Rajah 5.5.

PEMULIH mengutamakan pemberian sokongan kepada mereka yang paling terkesan dan mempunyai keupayaan serta kemampuan paling rendah bagi mengharungi krisis ini seperti golongan B40, miskin tegar dan perniagaan mikro. Beberapa bantuan tunai terus, sedang dilaksanakan menerusi PEMULIH

termasuk Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP).

Program Bakul Makanan akan juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM300,000 kepada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara tanpa mengira fahaman politik bagi menyediakan barangan makanan asas untuk kawasan yang mereka wakili.

Bantuan selanjutnya akan disediakan kepada rakyat bagi membantu mengurus perbelanjaan isi rumah mereka. Langkah ini termasuk pemberian moratorium pinjaman, penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan, premium insurans dan sumbangan takaful. Pemberian diskaun bil elektrik, subsidi bahan api dan minyak masak akan juga diteruskan.

Menyedari impak pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan rakyat, bantuan khas berjumlah RM15 juta juga telah disediakan di bawah PEMULIH bagi meningkatkan bantuan berkaitan isu kesihatan mental dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Mengambil kira kesinambungan pekerjaan adalah kritikal, pelbagai program latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran serta inisiatif berkaitan Penempatan Pekerjaan telah diperkenalkan bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Maklumat lanjut berkaitan inisiatif pengekalan dan penciptaan pekerjaan adalah seperti dalam Rajah 5.4.

Perincian penuh pelbagai bantuan boleh didapati di portal MANFAAT

<https://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat>



Rajah 5.1: Ringkasan bantuan untuk rakyat menerusi pakej PEMULIH

Jenis sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Bantuan Tunai Langsung				
Bantuan Khas COVID-19	Bantuan tunai untuk individu dan isi rumah: <ul style="list-style-type: none"> Isi rumah miskin tegar akan menerima RM500 pada bulan Ogos, RM500 pada November dan RM300 pada Disember 2021. Individu miskin tegar pula akan menerima RM200 pada bulan Ogos dan RM300 pada November 2021; Isi rumah B40 akan menerima RM500 pada bulan Ogos dan RM300 pada Disember. Individu B40 akan menerima RM200 pada bulan Ogos 2021; dan Isi rumah M40 akan menerima RM250 manakala individu M40 akan menerima RM100 pada bulan Ogos 2021. 	Miskin tegar, B40 dan M40 ¹	4,600	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
Bantuan Prihatin Rakyat tambahan	Bantuan tunai antara RM100 ke RM1,400 untuk inidvidu dan isi rumah pada bulan September 2021; Jumlah ini bergantung kepada beberapa faktor termasuk jumlah pendapatan isi rumah, status perkahwinan, jumlah anak dan lain-lain ² .	B40	500	LHDNM
Bantuan Kehilangan Pendapatan	Bantuan tunai RM500 pada bulan Oktober 2021 kepada individu yang telah kehilangan pendapatan. Kelayakan adalah berdasarkan kepada data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) individu tersebut pada 2021.	Individu kehilangan pendapatan pada 2021	500	LHDNM
Bantuan Khas OKU	Bantuan tunai bulanan RM500 untuk tempoh tiga bulan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah kehilangan pekerjaan atau menganggur dan bukan penerima Elaun Pekerja OKU.	Penganggur OKU	30	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
Pembiayaan dan Akses kepada Perkhidmatan Perbankan				
Moratorium pinjaman	Moratorium ke atas ansuran pinjaman selama enam bulan bagi semua peminjam bermula Julai 2021.	Peminjam individu	80,000 ³	Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi-institusi kewangan

¹ Miskin tegar: Pendapatan di bawah RM1,000 seperti ditetapkan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) and Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); B40: Pendapatan di bawah RM5,000 (LHDNM); M40: Pendapatan di antara RM5,001-9,000 (LHDNM)

² Maklumat lanjut boleh didapati menerusi *Soalan Lazim (FAQ) Bantuan Prihatin Rakyat (2021)*

³ Nilai keseluruhan menunjukkan gabungan nilai moratorium pinjaman individu dan perniagaan



Rajah 5.1: Ringkasan bantuan untuk rakyat menerusi pakej PEMULIH

Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Pembiayaan dan Akses kepada Perkhidmatan Perbankan				
i-Citra	Pengeluaran sehingga RM5,000 daripada akaun KWSP dengan kadar pembayaran tetap RM1,000 sebulan untuk tempoh lima bulan bermula Ogos 2021; tertakluk kepada jumlah keseluruhan simpanan KWSP. Permohonan dibuka bermula 12 Julai 2021 sehingga 30 September 2021.	Ahli KWSP	30,000	KWSP
Penangguhan pembayaran premium insurans dan sumbangan takaful	Penangguhan pembayaran premium insurans dan sumbangan takaful secara <i>opt-in</i> dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021. Inisiatif ini meliputi pemegang polisi, insurans nyawa dan sijil takaful keluarga.	Pemegang polisi insurans dan takaful	2,600	Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)
Penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan	Penangguhan pinjaman pendidikan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Moratorium tiga bulan (1 Jun 2021 sehingga 31 Ogos 2021) bagi peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN); • Penangguhan bayaran balik pinjaman dan tuntutan ganti rugi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga 6 bulan; • Penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk tiga bulan atau penjadualan semula bayaran dengan ansuran bulanan serendah RM100 selama 12 bulan. Permohonan bermula dari 10 Jun 2021 sehingga 31 Ogos 2021; dan • Penangguhan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selama tiga bulan. 	Pelajar dengan pinjaman pendidikan daripada Agensi yang dinyatakan	400	PTPTN, JPA, MARA, PTPK
Bank bergerak	30 unit bank bergerak yang menawarkan perkhidmatan perbankan asas seperti pembukaan akaun simpanan dan pengemaskinian maklumat. Bank bergerak akan meliputi 250 kawasan pedalaman dan mukim di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.	Rakyat di kawasan pedalaman terpilih	18	Bank Simpanan Nasional (BSN)



Rajah 5.1: Ringkasan bantuan untuk rakyat menerusi pakej PEMULIH

Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Digital, Utiliti dan Komoditi				
Kawalan harga minyak masak	Melaksanakan harga kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah bagi memastikan harga minyak masak botol lima kilogram tidak melebihi RM30 sebotol dan pek satu kilogram minyak masak kekal pada harga subsidi RM2.50.	Semua	1,000	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
Diskaun bil elektrik	<ul style="list-style-type: none"> Untuk isi rumah, diskaun bil elektrik untuk tiga bulan akan bermula pada Julai 2021. Diskaun yang diberikan adalah di antara 5% hingga 40% (bergantung kepada penggunaan), terhad kepada penggunaan maksimum 900 jam kilowatt sebulan; dan Bagi sektor ekonomi terkesan, (contohnya hotel, taman tema, pusat konvensyen dan pusat beli-belah), diskaun bil elektrik 10% untuk tiga bulan tambahan bermula Oktober sehingga Disember 2021. 	Semua	650	Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Data Internet	Pelanjutan pemberian satu GB data Internet percuma sehingga 31 Disember 2021 kepada pelanggan berdaftar.	Pelanggan berdaftar	500	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
Kesejahteraan				
Khidmat sokongan psikososial	Program libat urus bagi menyediakan sokongan penjagaan kesihatan mental dengan kerjasama NGO	NGO yang diiktiraf KKM	15	Kementerian Kewangan (MOF)
Makanan				
Program bantuan bakul makanan	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan RM300,000 kepada setiap Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk membeli dan mengedarkan barangan keperluan harian di kawasan yang mereka wakili Peruntukan khas sejumlah RM10 juta bagi komuniti Orang Asli. 	B40	100	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)



Ini bukanlah senarai penuh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [portal MANFAAT](#)

Rajah 5.1: Ringkasan bantuan untuk rakyat menerusi pakej PEMULIH

Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Pekerjaan				
Program eRezeki dan GLOW	<p>Penambahbaikan kepada program eRezeki dan program Global Online Workforce Individu yang (GLOW) bagi terus membantu 20,000 pencari kerja dalam ekonomi gig:</p> <ul style="list-style-type: none"> eRezeki membantu memprofil individu-individu yang berminat untuk menyertai melalui Ekonomi ekonomi gig, terutama individu dari kumpulan berpendapatan rendah, dan Gig termasuk memadankan mereka dengan platform 'ekonomi perkongsian'. Ini akan mereka yang membolehkan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas atau pekerjaan menganggur dan yang bersesuaian dan menjana pendapatan tambahan; dan kehilangan Program Global Online Workforce (GLOW) disediakan untuk membantu rakyat perkerjaan Malaysia untuk menjadi 'digital freelancer' atau pekerja digital bebas yang mampu menjana pendapatan dengan melaksanakan tugas/kerja dari pasaran dalam negeri dan global. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sedang bekerjasama dengan lebih banyak platform antarabangsa bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. 	ingin menambah pendapatan	8	MDEC
Program Janapreneur	Satu inisiatif Penempatan dan Latihan yang menyediakan program latihan kemahiran dengan jaminan pekerjaan selepas tamat latihan kepada 30,000 belia.	Lepasan sekolah dan graduan	125	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp)
MYFutureJobs	Elaun mencari pekerjaan sekurang-kurangnya RM300 kepada bukan pencari PERKESO untuk membantu graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor informal dalam pencarian kerja mereka bermula Julai 2021.	Bukan pencari PERKESO	100	PERKESO



Ini bukanlah senarai penuh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [portal MANFAAT](#)

Dalam merancang pakej PEMULIH, keutamaan diberikan bagi memastikan masyarakat yang paling terjejas mendapat sokongan sepanjang tempoh yang mencabar ini baik menerusi bantuan tunai mahupun lain-lain bentuk sokongan. Berikut merupakan satu ilustrasi pelbagai jenis sokongan untuk rakyat dalam segmen miskin tegar dan B40:



Aisyah, 35, seorang ibu tunggal dengan dua orang anak dan bekerja sebagai seorang pembantu rumah. Beliau telah kehilangan pekerjaan lima bulan lepas semasa pandemik COVID-19 melanda Malaysia.

Dengan jumlah pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,000 sebulan ketika ini, beliau tergolong dalam segmen miskin tegar dan layak untuk mendapat sokongan khas pada waktu yang mencabar ini, termasuk bantuan tunai berjumlah RM9,500. Rajah 5.2 menunjukkan sokongan yang layak diterima oleh Aisyah bagi tahun 2021. Sekiranya beliau mempunyai akaun KWSP dengan jumlah simpanan yang mencukupi, Aisyah turut layak untuk mengeluarkan sehingga RM5,000 melalui program i-Citra.

Rajah 5.2: Sokongan untuk Aisyah **ST1 2021** **ST2 2021**

Bantuan Tunai	ST1 2021	ST2 2021
Bantuan tunai langsung	RM1,200	RM3,700
Elaun EIS/mencari pekerjaan	-	RM1,000
Bantuan untuk anak-anak keluarga miskin	RM1,800	RM1,800
Bantuan-Bantuan Lain	-	RM810
Diskaun bil elektrik	-	RM60
Bantuan Program Bakul Makanan	RM100	RM450
<i>Jaringan Prihatin</i>		RM300

Nota: Contoh di atas adalah semata-mata ilustratif dan tidak menunjukkan secara keseluruhannya.



Vijay, 41 tahun, telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak. Seorang pemandu bas sekolah yang menghadapi kesukaran akibat penutupan sekolah ketika PKP yang menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatannya terhad.

Pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,200 dengan bayaran ansuran bulanan kereta sebanyak RM400. Ini meletakkan beliau dalam segmen B40 dan layak untuk menerima sokongan khas pada waktu yang mencabar ini termasuk bantuan tunai berjumlah RM5,050 dan bantuan lain bernilai RM5,220. Rajah 5.3 menunjukkan sokongan yang layak diterima oleh Vijay bagi tahun 2021. Sekiranya Vijay mempunyai akaun KWSP dengan jumlah simpanan mencukupi, Vijay layak membuat pengeluaran sehingga RM6,500 melalui program i-Sinar dan i-Citra.

Rajah 5.3: Sokongan untuk Vijay **ST1 2021** **ST2 2021**

Bantuan Tunai	ST1 2021	ST2 2021
Bantuan tunai langsung	RM1,200	RM2,700
eBelia (untuk anak-anaknya)	RM150	-
Bantuan khas pemandu bas sekolah	RM500	RM500
Bantuan-Bantuan Lain	RM2,700	RM2,520
Moratorium pinjaman	RM2,400	RM2,400
Diskaun bil elektrik	-	RM120
<i>Jaringan Prihatin</i>	RM300	-



Ini bukanlah senarai penuh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk portal [MANFAAT](#)

Rajah 5.4: Inisiatif berterusan Pengekalan Pekerjaan dan Penggajian

Inisiatif Pengekalan dan Penciptaan Pekerjaan yang Masih Berterusan

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, purata kadar pengangguran di Malaysia telah meningkat kepada 5.3% atau 820,000 orang pada Mei 2020, yang merupakan kadar tertinggi sejak 1989. Menerusi inisiatif PRIHATIN dan PENJANA, kadar tersebut telah menurun ke 4.7% pada Ogos 2020. Pada November 2020, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pekerjaan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi mengkoordinasikan pelbagai inisiatif yang mencipta peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran dan latihan kepada para pekerja. Sejumlah RM7.4 billion telah diperuntukkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2021 untuk inisiatif berkaitan pengekalan dan penciptaan pekerjaan.

Pencapaian terkini daripada inisiatif-inisiatif tersebut termasuk:

- 289,444 penempatan pekerjaan setakat Jun 2021, daripada 500,000 yang disasarkan bagi tahun 2021,
- 62,685 pekerjaan baharu telah diwujudkan sehingga Mei 2021, daripada 160,000 yang disasarkan bagi tahun 2021; dan
- 659,066 pekerjaan menerima sokongan daripada Kerajaan bernilai RM1.4 bilion setakat Jun 2021 bagi majikan mengekalkan pekerjaan.

	Diskripsi	Kumpulan Sasar
Koridor Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran	Program latihan kemahiran untuk pekerja yang terjejas akibat penutupan sempadan dan pengurangan kemasukan pelancong asing bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu.	Graduan menganggur dan pekerja yang diberhentikan
Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP)	Program latihan kemahiran untuk para graduan yang baru dengan peluang penempatan pekerjaan ataupun ilmu keusahawanan sebaik menamatkan kursus	Graduan baharu daripada universiti-universiti awam dan kolej vokasional
Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Program latihan untuk rakyat Malaysia yang menganggur bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja dan peluang pendapatan dalam industri keutamaan.	Graduan baharu, penganggur dan pekerja yang diberhentikan kerja yang berminat dalam industri keutamaan
MySTEP	Program kerja jangka pendek dalam sektor awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan rakan strategiknya untuk 50,000 pencari kerja.	Graduan baharu dan penganggur
Penjana Kerjaya 2.0	Insentif pengambilan kerja berjumlah RM2 billion, termasuk 40% subsidi upah untuk pekerja dan gaji bulanan sebanyak RM1,500 sehingga RM10,000. Tambahan 20% subsidi upah bagi majikan yang menyediakan peluang kepada golongan rentan, penganggur jangka panjang dan pekerja yang diberhentikan atau menggantikan pekerja asing.	Penganggur jangka panjang, dibuang kerja, Kumpulan Rentan.
Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran	Program kemahiran bernilai RM2 billion oleh pelbagai agensi bagi meningkatkan kebolehpasaran pekerja	Pekerja sedia ada dan penganggur
PERHEBAT	Program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk 12,000 veteran tentera.	Pesara Angkatan Tentera
PROTÉGÉ Ready-To-Work	Program latihan kemahiran bagi mengembangkan graduan yang berpotensi tinggi untuk tenaga kerja masa hadapan.	Graduan terpilih
Sistem Latihan Dua Nasional (SLDN)	Program penempatan dan latihan dalam kerja untuk pelajar vokasional bernilai RM60 juta selama 2 hingga 6 bulan	Pelajar Vokasional

Menyokong Perniagaan

Perniagaan telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Bermula dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama pada Mac 2020, banyak perniagaan terpaksa menutup operasi mereka. Penutupan ini menyebabkan para peniaga kehilangan pendapatan yang teruk sekaligus memberi kesan terhadap keupayaan mereka untuk membayar gaji pekerja, pinjaman dan sewa serta bil-bil lain.

Dalam usaha menangani cabaran ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan untuk perniagaan dan juga pekerja. Program Subsidi Upah 4.0 (PSU 4.0) di bawah PEMULIH merupakan kesinambungan daripada program Subsidi Upah 3.0 sebelumnya dan telah memberi manfaat kepada 2.5 juta pekerja. Kerajaan juga akan meneruskan bayaran Geran Khas Prihatin (GKP 4.0), di mana perusahaan mikro layak untuk menerima sebanyak RM500 secara *one-off* pada bulan September 2021 dan sebanyak RM500 lagi pada November 2021.

Inisiatif lain bagi menyokong kecairan perniagaan termasuk moratorium pinjaman bersasar dan diskaun bil utiliti. Premis perniagaan di bawah MARA akan juga menikmati diskaun sewaan sebanyak 30 peratus, sebagai sebahagian daripada inisiatif MARA Prihatin.

Pendigitalan menjadi sesuatu yang penting buat perniagaan untuk kekal beroperasi mengambil kira pelanggan kini berpindah kepada pembelian secara dalam talian. Di bawah Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK), Kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi perusahaan mikro dan RM100 juta untuk PKS. Geran Pendigitalan PKS menyediakan geran padanan berjumlah sehingga RM5,000 bagi meningkatkan penggunaan solusi digital dalam operasi mereka. Kerjasama dengan penyedia platform digital menerusi 'Shop Malaysia Online' dan 'Go-eCommerce Onboarding' akan membantu perusahaan mikro menggunakan teknologi digital untuk jualan dan transaksi dalam talian lain.

Mengambil kira perniagaan dalam sektor paling terjejas seperti pelancongan, pengangkutan dan hiburan memerlukan bantuan kewangan untuk memulakan pemulihan perniagaan mereka, pelbagai program bantuan pinjaman dengan kadar yang menarik akan diadakan menerusi program Bank Negara dan institusi bukan bank seperti TEKUN Nasional, MARA dan SME Corp. Pembiayaan khusus untuk industri seperti Pembiayaan Pelancongan PENJANA oleh BNM serta pembiayaan industri kreatif oleh MyCreative

Rajah 5.5: Ringkasan bantuan untuk perniagaan di bawah pakej PEMULIH

Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Bantuan Tunai Langsung				
PSU 4.0	Geran tunai sebanyak RM600 kepada majikan untuk setiap pekerja sehingga 500 orang. Syarikat dalam semua sektor adalah layak untuk mendapatkan bantuan ini sehingga dua bulan ketika Fasa 2. Syarikat dalam sektor yang tidak dibenarkan beroperasi ketika Fasa 3, layak untuk bantuan tambahan selama dua bulan ketika dalam Fasa 3.	Syarikat dengan pengurangan pendapatan lebih daripada 30%	3,800	PERKESO
GKP 4.0 untuk perusahaan mikro	Bantuan tunai sebanyak RM500 pada September dan RM500 pada November 2021 untuk perusahaan mikro, terutamanya kedai gunting rambut, pemilik bengkel, kedai roti dan kek, pusat penjagaan kesihatan dan lain-lain.	Perusahaan mikro ⁴	1,000	MOF
Penjana Kerjaya Program 3.0	<ul style="list-style-type: none"> Insentif pengambilan pekerja kepada majikan sehingga 60 peratus daripada upah pekerja atau sehingga RM6,000 (yang mana lebih rendah) untuk tempoh enam bulan bermula daripada 15 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021. Had kelayakan gaji dikurangkan daripada RM1,500 kepada RM1,200 bagi menggalakkan pengambilan pekerja tempatan (<i>Malaysianisation</i>). Tempoh kontrak pekerjaan untuk pekerja berusia 50 tahun ke atas dan OKU dan bekas banduan dikurangkan daripada 12 bulan ke enam bulan. 	Majikan dan pekerja	400	PERKESO
PUPUK	Geran padanan sehingga RM5,000 bagi pembelian sistem atau langganan platform digital di bawah Geran Pendigitalan PKS.	PKS dan perusahaan mikro ⁵	100	BSN
Pembiayaan				
Pembiayaan Mikro Kredit	Pembiayaan mikro kredit untuk membantu perusahaan mikro.	Perusahaan mikro	1,100	AgroBank, BSN, TEKUN Nasional
Dana untuk Usahawan PKS	Bantuan kewangan bagi mengurangkan kekangan aliran tunai bagi PKS dan perusahaan mikro.	Usahawan PKS	2,000	BNM
Skim Jaminan oleh Kerajaan Malaysia (SJPP)	Peningkatan siling bagi dana skim jaminan di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Berhad (SJPP) daripada RM36.5 bilion kepada RM56.5 bilion bagi tahun 2021.	Perusahaan mikro, PKS	20,000	SJPP

⁴Perusahaan mikro adalah perniagaan dengan perolehan jualan kurang daripada RM300,000 ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada 5; perusahaan mikro juga perlu berdaftar dengan LHDNM, pihak berkuasa tempatan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

⁵Bagi sektor pembuatan, PKS adalah syarikat dengan perolehan jualan tidak melebihi RM50 juta ATAU jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang. Untuk sektor perkhidmatan dan lain-lain, PKS adalah syarikat dengan perolehan jualan tidak melebihi RM20 juta ATAU jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 pekerja.



Ini bukanlah senarai penuh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [portal MANFAAT](#)

Rajah 5.5: Ringkasan bantuan untuk perniagaan di bawah pakej PEMULIH

Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Pembiayaan				
Program Jaringan Inisiatif Umum (JITU)	Bantuan modal asas dan mentor bimbingan perniagaan kepada OKU dan gelandangan.	OKU dan gelandangan	20	Yayasan Kebajikan Negara (YKN), KPWKM
Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi (PIPEK)	Bantuan kewangan untuk usahawan menjalankan aktiviti ekonomi dalam kumpulan menerusi perniagaan koperasi selama setahun bermula Julai 2021 sehingga Julai 2022. Aktiviti ekonomi berkumpulan termasuk pemasaran produk menerusi platform dalam talian serta menggalakkan pembelian barangan di kedai koperasi.	Perniagaan koperasi	20	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
Penangguhan Cukai, Pengecualian dan Pengurangan Sewaan				
Levi HRD Corp	Pengecualian levi selama dua bulan untuk majikan yang tidak dapat beroperasi ketika PKP dari Julai 2021. Majikan daripada sektor yang baharu dimasukkan di bawah pindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad PSMB 2001 (contohnya pembinaan, perdagangan dan borong) diberikan tambahan tempoh pengecualian sehingga 31 Disember 2021.	Syarikat dan majikan	425	HRD Corp
Pemotongan cukai untuk pemilik premis perniagaan	Potongan cukai khas bagi pemilik bangunan dan ruang perniagaan yang menawarkan pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30% kepada perniagaan. Tempoh pengurangan sewa itu dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.	Pemilik yang menawarkan pengurangan sewa	8	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
Diskaun atas sewa MARA	Potongan sebanyak 30% kepada sewaan premis perniagaan MARA untuk 5 bulan bermula Ogos sehingga Disember 2021.	Penyewa MARA	6	MARA
Penangguhan ansuran cukai pendapatan dan pengecualian cukai	Penangguhan ansuran cukai pendapatan untuk agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan dan juga industri terpilih. (contohnya spa/pawagam). Kerajaan juga menyediakan kemudahan untuk menyemak semula anggaran cukai pendapatan pada bulan ketiga, sebagai tambahan kepada bantuan terhadap cukai sedia ada, di mana syarikat dibenarkan untuk menyemak anggaran cukai pada bulan keenam dan kesembilan tempoh asas.	Semua syarikat	-	MOF



Rajah 5.5: Ringkasan bantuan untuk perniagaan di bawah pakej PEMULIH

Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Moratorium Pinjaman				
Penangguhan pembayaran balik pinjaman perniagaan MARA	Penangguhan pembayaran balik pembiayaan perniagaan MARA untuk tempoh tiga bulan atau penjadualan semula pembayaran dengan tambahan tempoh pembiayaan sehingga 36 bulan. Penangguhan ini berkuatkuasa 1 Julai sehingga 30 September 2021.	Usahawan MARA	25	MARA
Moratorium pinjaman	Moratorium enam bulan untuk PKS dan perusahaan mikro daripada Julai 2021. Permohonan diperlukan dan kelulusan akan diberikan secara automatik tanpa syarat tambahan.	Perusahaan mikro, PKS	80,000 ⁶	BNM dan institusi kewangan
Bantuan Bersasar				
Shop Malaysia Online dan Go-eCommerce Onboarding	<ul style="list-style-type: none"> Baucer diskaun untuk transaksi dalam talian diberikan menerusi kempen Shop Malaysia Online untuk menggalakkan pembelian dalam talian. Go-eCommerce Onboarding menasaskan 300,000 perniagaan mikro seperti peniaga bazar dan pasar untuk beralih ke perniagaan dalam talian dan menggunakan e-bayaran. 	Perusahaan mikro	200	MDEC
Sokongan kepada Industri seni dan kreatif tempatan	Insentif bagi penghasilan karya dan kandungan digital, peluang kerjaya, program peningkatan kemahiran, caruman perlindungan di bawah PERKESO dan juga perolehan produk untuk produksi stesen televisyen, radio dan penciptaan lagu.	Industri kreatif dan perniagaan	100	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
Bantuan Khas untuk pengusaha taska dan tadika swasta	Geran tunai RM3,000 secara <i>one-off</i> untuk pengusaha taska dan tadika swasta.	Pengusaha taska dan tadika swasta	38	Kementerian Pendidikan (KPM), KPWKM
Bantuan khas pengusaha pusat sukan	Geran tunai RM3,000 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha pusat sukan (contoh: gimnasium, boling, futsal). Permohonan bermula 1 Julai hingga 31 Ogos 2021.	Pengusaha pusat sukan	18	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

⁶ Jumlah nilai yang ditunjukkan mewakili gabungan nilai moratorium pinjaman bagi kedua-dua individu dan perniagaan



Rajah 5.5: Ringkasan bantuan untuk perniagaan di bawah pakej PEMULIH


Jenis Sokongan	Huraian	Kumpulan Sasar	Nilai (RM juta)	Agensi Peneraju
Bantuan Bersasar				
Bantuan kepada Agensi Pelancongan	Geran tunai RM3,000 secara <i>one-off</i> kepada agensi pelancongan berdaftar. Pengecualiann cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan untuk pengusaha hotel dari 1 Julai hingga 31 Disember 2021. Menjelang Fasa 4 PPN, peruntukan bersesuaian akan dicadangkan bagi pemulihan dan merencanakan semula aktiviti pelancongan.	Semua agensi pelancongan berdaftar	17	MOTAC
Bantuan Khas Pengusaha Kantin	Geran tunai RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha kantin berdaftar.	Pengusaha kantin berdaftar	9	KPM
Bantuan Khas Pengusaha spa dan refleksologi	Geran tunai RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha spa dan refleksologi.	Pengusaha spa dan refleksologi	1	MOTAC
Perolehan				
Bantuan Projek Kecil	Bantuan bagi kontraktor G1 hingga G4 tempatan untuk melaksanakan projek berskala kecil secara undian dan sebut harga berdasarkan kadar jadual baharu kerja kejuruteraan am dan pembinaan, termasuk kadar jadual kerja baharu kerja-kerja elektrikal.	Kontraktor G1 – G4	Bergantung kepada projek	Pelbagai Kementerian
Perubahan Harga	Membenarkan perubahan harga (VOP) bagi projek kerja yang dibenarkan berikutan peningkatan kos bahan binaan sehingga 31 Disember 2021.	Kontraktor Kerajaan	-	-
Pelanjutan Masa Kontrak	Membenarkan lanjutan masa kontrak (EOT) projek kerja atau kontrak pembekalan yang terjejas akibat PKP yang dibenarkan bergantung kepada klausa kontrak.	Kontraktor Kerajaan	-	-



Ini bukanlah senarai penuh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [portal MANFAAT](#)

Berikut adalah ilustrasi bagaimana pakej PEMULIH menyokong dua jenis perniagaan yang berbeza

Burger Sedap Enterprise



Burger Sedap Enterprise menyewa premis MARA. Akibat pelaksanaan PKP, mereka tidak dapat beroperasi menyebabkan kehilangan pelanggan dan pendapatan.

Mereka mempunyai 4 pekerja dengan jumlah pendapatan tahunan sebanyak RM200,000. Mereka tergolong dalam segmen PKS dan layak untuk menerima bantuan ketika waktu mencabar ini, termasuk bantuan tunai RM3,500 dan bantuan lain bernilai RM74,771. Rajah 5.6 menunjukkan sokongan yang layak diterima oleh Burger Sedap Enterprise pada tahun 2021.

Rajah 5.6: Sokongan untuk Burger Sedap Enterprise

	ST1 2021	ST2 2021
Bantuan Kewangan	RM2,000	RM1,500
<i>Geran Khas Prihatin (GKP) Tambahan</i>	RM1,000	
<i>Geran Khas Prihatin 3.0</i>	RM1,000	RM500
<i>Geran Khas Prihatin 4.0</i>		RM1,000
Lain-Lain Bantuan	RM33,600	RM41,171
Diskaun bil elektrik	-	~ RM71 ⁷
Penanguhan sewa premis	-	RM7,500
Moratorium pinjaman	RM24,000	RM24,000
Program Subsidi Upah	RM9,600	RM9,600

Nota: Contoh di atas adalah semata-mata ilustratif dan tidak menunjukkan secara keseluruhannya.

⁷ Dengan anggaran penggunaan 1,000 kWh sebulan

⁸ Dengan anggaran penggunaan 10,000 kWh sebulan

VF Supplies Sdn. Bhd.



VF Supplies Sdn. Bhd. Adalah syarikat pengedar buah-buahan bersaiz sederhana dengan 30 pekerja, 20 pekerja penduduk tempatan dan 10 pekerja rakyat asing. Akibat sekatan COVID-19 di Malaysia, mereka tidak dapat beroperasi menyebabkan kehilangan pendapatan.

Ansuran bulanan pinjaman premis mereka berjumlah RM20,000 sebulan, dengan pendapatan tahunan RM1,500,000. Oleh itu, syarikat itu tidak tergolong di dalam segmen PKS dan tidak layak untuk bantuan khas yang disediakan.

Walau bagaimanapun, bantuan aliran tunai bernilai RM193,237.50 akan diberikan oleh Kerajaan. Rajah 5.7 menunjukkan sokongan yang layak diterima oleh VF Supplies pada tahun 2021.

Rajah 5.7 : Sokongan kepada VF Supplies Sdn. Bhd.

	ST1 2021	ST2 2021
Lain-Lain Bantuan	RM36,000	RM157,237.50
Diskaun bil elektrik	-	~RM517.50 ⁸
Moratorium pinjaman	-	RM120,000
Program Subsidi Upah	RM36,000	RM36,000
Pengecualian Levi	-	RM720



Ini bukanlah senarai penuh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk portal MANFAAT

Hubungan kait kepada pakej sokongan terdahulu

Pakej PEMULIH yang bernilai lebih RM150 bilion dirancang khusus bagi menyokong PPN, terutamanya semasa Fasa 1 di mana sekatan adalah yang paling ketat. Namun, COVID-19 dan kesukarannya sudah pun bermula setahun lebih awal daripada penghasilan PPN. Sebelum PEMULIH, lebih daripada RM200 bilion daripada pakej bantuan kewangan sedia ada telah dibelanjakan dengan baki bernilai lebih daripada RM100 bilion untuk dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2021.

Antara bantuan kewangan dalam pakej sebelum ini termasuk :

- Jaringan Prihatin, subsidi sehingga RM300 untuk penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) bagi melanggan internet atau membeli peranti baharu. RM2 bilion, telah diperuntukkan bagi program ini dan akan terus tersedia sehingga Ogos 2021;
- MyKasih adalah satu program di mana penerima akan menerima RM100 sebulan selama 3 bulan yang dikreditkan terus ke dalam akaun MyKad mereka, untuk membeli barang makanan keperluan di kedai runcit terdekat yang mengambil bahagian. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi program ini. Pendaftaran bagi program ini diterima sehingga September 2021, dan bayaran akan dibuat sehingga Disember 2021.
- Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) untuk memberikan sokongan pemulihan kepada PKS di sektor perkhidmatan yang terjejas akibat daripada langkah pembendungan COVID-19. Sebanyak RM6 bilion telah diperuntukkan bagi inisiatif ini dan boleh dipohon sehingga 31 Disember 2021; dan
- Peruntukan sebanyak RM5 bilion bagi projek berskala kecil seperti pembaikan infrastruktur awam dan penyelenggaraan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh kontraktor G1, G2, G3 dan G4 sehingga 31 Disember 2023.

Komitmen untuk menyokong

COVID-19 telah membuktikan ia sejenis virus yang menyerang dengan cepat – maka negara juga perlu sama pantas dan dinamik. Pandemik ini juga telah berkali-kali membuktikan bahawa perkembangannya tidak menatar.

Sokongan yang digariskan di sini memfokuskan kepada bentuk bantuan segera sehingga akhir tahun 2021. Walau bagaimanapun, tempoh sekatan yang berpanjangan akan memerlukan sokongan yang lebih lama dan sekatan yang lebih ketat seperti mana semasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan, mungkin memerlukan sokongan tambahan. Selagi sektor ekonomi dan sosial belum dibuka sepenuhnya, Kerajaan akan menyediakan sokongan untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat dan perniagaan.

Sokongan selanjutnya untuk pemulihan negara akan dikaji dan akan diumumkan dalam Belanjawan 2022.





6

**Kebiasaan
Seterusnya**

Kebiasaan Seterusnya

Secara dasar, Pelan Pemulihan Negara (PPN) menggariskan langkah-langkah untuk mengawal pandemik dan membuka semula aktiviti sosial serta ekonomi negara secara berperingkat. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk merangka satu perancangan yang melangkaui fasa pandemik dan seterusnya menetapkan Kebiasaan Seterusnya bagi rakyat Malaysia. Hal ini termasuk persoalan bagaimana rakyat akan hidup, bekerja dan berhibur; bagaimana sistem penjagaan kesihatan awam perlu bersedia untuk menghadapi pandemik seterusnya dan bagaimana ekonomi tidak hanya dapat kembali kepada paras pra-pandemik, tetapi membina semula kekuatan untuk menjadi lebih mampan dan inklusif dengan sumber pertumbuhan baharu untuk generasi akan datang.

Peralihan dari pandemik kepada endemik

Terdapat kesepakatan dalam kalangan komuniti saintifik bahawa COVID-19 tidak akan dibasmi dalam tempoh terdekat. Ini bermakna bahawa virus tersebut akan terus tersebar di seluruh dunia sebagai penyakit endemik, sama seperti influenza. Walau bagaimanapun, dengan imuniti yang mencukupi dalam kalangan masyarakat, pengamalan kesihatan yang baik dan dengan wujudnya sistem amaran awal, ancaman virus ini kepada nyawa manusia akan lebih terkawal berbanding sekarang.

Penggunaan vaksin adalah kritikal bagi membolehkan fasa peralihan tersebut. Seiring dengan peralihan COVID-19 sebagai endemik, Kerajaan akan beralih dari fasa memantau dan mengesan jumlah kes baharu kepada memantau dan mengesan jumlah kemasukan ke hospital dan kes kematian. Ini merupakan strategi yang sama yang telah digunakan dalam menguruskan penyakit endemik yang lain seperti influenza, denggi dan H1N1.

Komuniti saintifik dan kerajaan beberapa negara sedang mengkaji pelbagai pilihan untuk menguruskan COVID-19 sebagai suatu penyakit endemik. Hal ini termasuk langkah-langkah seperti pemantauan epidemiologi secara berterusan, penggunaan vaksin penggalak atau program vaksinasi tahunan, meneruskan ujian pengesanan secara bersasar dan pengasingan untuk mengekang penularan wabak, pasport vaksin untuk perjalanan antarabangsa dan aktiviti terpilih, terapeutik untuk merawat penyakit dengan berkesan, dan membiasakan amalan penjagaan kesihatan awam yang baik seperti memakai pelitup muka dan penjagaan kebersihan sendiri. Dalam konteks ini, Kerajaan akan mengemaskini PPN secara progresif bagi menyediakan negara untuk hidup dalam Kebiasaan Seterusnya dengan COVID-19 sebagai penyakit endemik.

Hidup dengan COVID-19

Langkah-langkah yang sedang dikaji oleh Kerajaan



Pemantauan berterusan epidemiologi dengan sistem amaran awal dan pengawasan genom bagi memantau Varian Yang Membimbangkan (VOC)



Ujian bersasar, pengesanan dan protokol pengasingan bagi mengekang penularan di dalam komuniti



Penggunaan vaksin penggalak atau program vaksinasi lebih setahun dan polisi pemberian insentif vaksinasi



Pengurusan kes *Long COVID-19* yang mana bekas pesakit masih mengalami gejala



Membiasakan amalan penjagaan kesihatan awam yang baik seperti penggunaan pelitup muka, penjagaan kebersihan diri dan pengudaraan untuk isi rumah, perniagaan dan industri



Meningkatkan penyelidikan dan pengeluaran vaksin tempatan



Menerima pakai garis panduan baharu mengenai pengudaraan bagi isi rumah, perniagaan dan industri

Penyusunan semula sistem penjagaan kesihatan Malaysia

Sistem penjagaan kesihatan awam di Malaysia selama ini telah berjaya menyediakan penjagaan kesihatan yang mampu dan mudah diakses. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah menyerlahkan beberapa cabaran dan kelemahan pada sistem penjagaan kesihatan awam pada hari ini. Mengambil kira perkara ini, Kerajaan menyedari tentang kepentingan untuk melaksanakan reformasi dan mengambil usaha untuk merangka strategi penyusunan semula penjagaan kesihatan yang progresif.

Penyusunan semula sistem penjagaan kesihatan akan memenuhi keperluan jangka panjang negara yang meningkat berikutan penambahan penduduk yang semakin berusia serta penyakit tidak berjangkit. Antara dasar yang sedang dipertimbangkan adalah model rawatan baharu yang memberi fokus kepada pencegahan, perubahan produktiviti dan kualiti dalam sistem penyampaian penjagaan kesihatan, kerjasama yang lebih baik di antara penyedia swasta, awam dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), kaedah baharu penyampaian penjagaan luar bandar dan mewujudkan pendekatan pendanaan yang lebih pelbagai bagi memastikan kemampanan kewangan.

Elemen teras bagi memperluas penyusunan semula penjagaan kesihatan adalah dengan memperkukuh kemampanan sistem penjagaan kesihatan awam dan kesiapsiagaan bagi menghadapi pandemik masa hadapan. Langkah-langkah polisi yang sedang diberi pertimbangan termasuk:

- **Memperkukuhkan mekanisme nasional dan tempatan bagi mengesan penyakit berjangkit untuk menghentikan rantaian penularan pada peringkat awal** yang mungkin melibatkan penutupan jurang dalam pengawasan asas, memperkukuh intergrasi dan analisis data, membina dan mengekalkan di tahap yang tinggi serta fleksibel keupayaan penyiasatan penularan dan mempertingkatkan *serosurveillance* dan pemantauan keberkesanan vaksin;
- **Memastikan kesiapsiagaan sistem penjagaan kesihatan dalam menangani peningkatan mengejut di samping mengekalkan perkhidmatan-perkhidmatan penting.** Peningkatan mendadak yang dilihat pada fasa tertentu pandemik bakal mengubah kapasiti penjagaan kesihatan berikutan tumpuan kepada merawat pesakit COVID-19. Hal ini menyebabkan kesan lain kepada penjagaan kesihatan bukan COVID. Protokol standard bagi triage dan lonjakan keupayaan seperti menukar fasiliti bukan perubatan kepada fasiliti perubatan sementara serta pembukaan hospital medan akan diwujudkan; dan
- **Membangunkan agenda pencegahan wabak bersepadu.** Menyedari bahawa Malaysia tidak berupaya untuk mencegah semua epidemik di masa hadapan, negara akan menggunakan segala kaedah yang ada bagi mencegah apa yang di dalam jangkauan. Dalam hal ini, beberapa pendekatan yang akan diterokai dengan lebih mendalam adalah termasuk; mengurangkan risiko kejadian *zoonotic* iaitu jangkitan di antara manusia dan haiwan liar, mengehadkan kerentanan anti-mikrob dan pemberian vaksin yang lebih meluas.
- **Menyediakan satu sistem yang aktif dan kerjasama yang boleh dipertingkat dengan cepat semasa epidemik** merangkumi bekalan peralatan kesihatan strategik dan strategi kemandirian nasional bagi bekalan tersebut, kerangka kerja bagi kolaborasi awam-swasta, peningkatan keupayaan kawalan kesihatan di sempadan dan melaksanakan simulasi penularan yang kerap.

Sebagai tambahan kepada penyusunan semula sistem penjagaan kesihatan, Kerajaan sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara. Selain memperluaskan pengilangan vaksin isi siap bagi vaksin yang diperolehi dari luar negara, hala tuju ini turut merancang untuk menghasilkan vaksin tempatan sendiri. Usaha ini diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk membangunkan dua jenis vaksin COVID-19, yang mana salah satunya menggunakan pendekatan teknologi mRNA manakala satu lagi menggunakan pendekatan vaksin dari virus yang ternyahaktif.

Pembangunan semula yang lebih baik: Ke arah ekonomi yang berdaya tahan, terangkum dan berdaya saing

Berikutan pandemik ini, Malaysia mengalami krisis ekonomi yang terburuk dalam sejarah negara. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020 menguncup 17.1% dalam suku kedua tahun 2020, iaitu lebih buruk berbanding penguncupan 11.2% dalam suku keempat tahun 1998 semasa Krisis Kewangan Asia. Anggaran menunjukkan lebih daripada 210,000 pekerjaan telah hilang, dengan kos kepada ekonomi menjangkau RM1.1 billion sehari ketika kawalan pergerakan Fasa 1 berlangsung di seluruh negara.

Sementara negara cuba untuk kembali pulih daripada krisis yang tidak pernah terjadi sebelumnya, adalah amat penting bagi membina semula negara dengan lebih kukuh. Ini bermakna mempercepatkan laluan ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang menyasarkan sebuah negara yang bersatu padu, makmur dan bermaruah, menjelang 2030. Walau bagaimanapun, perjalanan ini tidak tanpa cabarannya, di mana ekonomi global pasca COVID-19 tidak akan kembali seperti sebelumnya. Banyak situasi yang sedang berlaku sebelum pandemik telah dipercepatkan berikutan krisis ini. Antara perkara khusus yang berkaitan dengan Malaysia adalah:

- Pandemik telah menyebabkan jurang ketidaksamaan makin mendalam. Kumpulan berpendapatan rendah dan pemilik perniagaan kecil merupakan kumpulan yang paling terkesan. Oleh itu, keutamaan segera termasuklah meningkatkan keselamatan sosial untuk golongan rentan, pembasmian kemiskinan, mendorong pembangunan secara terangkum di seluruh negeri dan pemulihan semula sektor yang paling terjejas dan PKS;
- Ekonomi global akan mengalami perubahan ketara dalam perdagangan, perkhidmatan, perjalanan, informasi dan teknologi. Secara khusus, tatabentuk rantaian bekalan global dijangka berubah semula dengan kaedah serantau yang lebih hebat atau penyumberan berganda (*multi-shoring*) bagi menyokong peningkatan fokus terhadap daya tahan. Perubahan tatabentuk tersebut semula tersebut bakal mewujudkan peluang mahupun cabaran kepada Malaysia terutama dalam sektor berfokuskan eksport baharu yang berpotensi seperti industri elektrik dan elektronik (E&E) maju dan industri aeroangkasa.
- Peningkatan kepentingan terhadap kelestarian. Pelaburan dalam kelestarian adalah merupakan cara dan tujuan pemulihan pasca COVID. Pemulihan yang lestari akan memperbaiki daya pengeluaran, mewujudkan pekerjaan dan pertumbuhan pendapatan yang baharu, dan menyokong peralihan kepada ekonomi yang mampu bertahan terhadap perubahan iklim. Maka Kerajaan berhasrat untuk mengutamakan kepada langkah-langkah pemulihan hijau termasuk sokongan fiskal dan insentif bagi mobiliti rendah karbon, pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi kitaran.

- Pemacuan Kerja Masa Hadapan. Kehadiran pandemik telah mempercepatkan pewujudan kerja-kerja masa hadapan. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh kemajuan teknologi tetapi turut mengambil kira model kerja baharu berikutan faktor kesihatan dan keselamatan (contoh, bekerja dari rumah). Sekiranya elemen-elemen ini digabungkan, ia boleh mewujudkan ketidakpadanan dalam penempatan tenaga kerja berikutan perubahan asas kepada jenis pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan untuk masa hadapan. Menyedari perkara ini, keutamaan Kerajaan adalah untuk membangunkan 'Future Ready Workforce' (Tenaga Kerja Tersedia Masa Hadapan) dengan penekanan kepada sokongan peralihan kerja melalui peningkatan kemahiran dan kemahiran semula; dan
- Mempercepatkan pendigitalan dan automasi. Semasa pandemik, terdapat lonjakan kuantum penerimaan digital di kalangan masyarakat, syarikat dan industri. Walaupun ia wujud disebabkan keperluan, adalah jelas bahawa lonjakan ini akan meninggalkan kesan yang berterusan. Disebabkan itu, inisiatif yang disediakan di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) akan menjadi faktor penting dalam proses pemulihan. Di bawah MyDigital, Malaysia menasarkan untuk menjadi sebuah negara digital yang kompetitif dan menarik sehingga RM70 juta pelaburan digital.

Belanjawan 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) telah dirumuskan dengan mengambil kira lonjakan tersebut. Kedua-duanya menasarkan untuk menangani tempoh jangka pendek usaha pemperkasaan semula ekonomi dalam usaha memacu pembukaan semula Malaysia serta sebagai strategi jangka sederhana untuk membentuk semula struktur ekonomi.

Rajah 6.1 menunjukkan butiran tambahan berhubung Bajet 2022 dan proses pengumpulan input sehingga dimuktamadkan.

RMKe-12 kini berada pada landasan untuk dibentangkan di Parlimen pada September 2021 dan akan memfokuskan kepada tiga tema keutamaan iaitu untuk menyelaras semula ekonomi, memperkukuhkan keselamatan dan keterangkuman

serta memacu kelestarian. Ia juga akan disokong oleh empat pemboleh ubah dasar utama iaitu pembangunan bakat masa hadapan; memacu adaptasi teknologi dan inovasi; meningkatkan kesalinghubungan dan infrastruktur pengangkutan; serta memperkukuhkan perkhidmatan awam.

Rajah 6.1: Bajet 2022

3R: Pemulihan, Ketahanan dan Penyusunan Semula

Memacu

PEMULIHAN

ekonomi

Merangsang pertumbuhan dan memudahkan pemulihan sektor utama ke arah sektor berasaskan eksport dan untuk menyokong pemulihan pekerjaan

Mengekalkan dasar pengembangan fiskal untuk menyokong pemulihan dan pertumbuhan pasaran domestik

Memulihkan sektor dan segmen yang paling terjejas kesan daripada COVID-19 seperti sektor pelancongan dan PKS

Membina semula

KETAHANAN

Meneruskan fokus kepada sistem dan kapasiti penjagaan kesihatan awam termasuk keupayaan menghadapi pandemik, memperluaskan usaha vaksinasi dan pencegahan penyakit tidak berjangkit

Memperluaskan skop perlindungan sosial dengan penekanan kepada sektor tidak formal dan penganggur

Membina semula keterangkuman antara wilayah dan komuniti, dengan memanfaatkan pendigitalan sebagai pemboleh ubah utama

Memperoleh semula daya ketahanan kewangan dan fiskal melalui Akta Tanggungjawab Fiskal yang baharu, memperluas sumber pendapatan dan rasionalisasi subsidi

Pemangkin

PENYUSUNAN SEMULA

Mencari sumber pertumbuhan baru daripada aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi seperti penyelidikan dan pembangunan dalam sektor teras E&E, kemajuan agenda MyDigital dan membantu pengembangan syarikat pemula (*start-up*)

Membangunkan keupayaan rakyat Malaysia yang berkebolehan dalam bidang baharu seperti ekonomi Islam dan *wakaf*

Latihan kemahiran semula tenaga kerja negara bagi bakat tersedia masa hadapan dalam menghadapi pendigitalan dan automasi

Peralihan ke arah Ekonomi Hijau dengan fokus kepada tenaga boleh diperbaharui, dengan memanfaatkan aset hijau dan pembiayaan ESG

Transformasi GLC dan penyampaian perkhidmatan awam melalui pendekatan Seluruh Negara

Apa yang boleh dijangkakan?

Ketelusan : Bajet 2022 akan dimulakan dengan kenyataan pra Belanjawan pada akhir Ogos 2021 yang akan mengenal pasti keutamaan belanjawan dan andaian makro ekonomi. Input daripada semua pemegang taruh akan dipertimbangkan dalam memuktamadkan Bajet.

Penglibatan Pemegang Taruh: Bajet 2022 akan dirangka berpandukan usaha Belanjawan 2021 yang melibatkan semua pihak berkepentingan dari semua negeri, industri utama dan kumpulan kemasyarakatan sivil serta parti politik. Platform secara maya akan digunakan tertakluk kepada SOP semasa.

Penglibatan awam: Pelbagai platform akan disediakan bagi mendapatkan input dan penglibatan awam (contohnya penerbitan kertas rundingan dasar) bagi menentukan peruntukan belanjawan (contoh: geran padanan dan idea dari sumber khalayak-*crowdsourcing*).

Sudah hampir 18 bulan Malaysia berjuang menangani pandemik ini dan kita semakin keletihan, lebih-lebih lagi para petugas kesihatan barisan hadapan.

COVID-19 telah mengganggu gugat kehidupan setiap lapisan Malaysia serta yang tinggal di tanah air ini. Ramai yang telah kehilangan orang tersayang dan ramai lagi yang berhempas pulas demi mencari rezeki. Kebanyakan kawasan di dalam negara juga masih berhadapan dengan krisis ini di mana langkah-langkah perlu, biarpun memeritkan, terus diambil dalam mendepani pandemik.

Namun begitu, masih ada sinar harapan untuk Malaysia keluar dari pandemik ini. Setakat ini, Malaysia mencatatkan kadar vaksinasi tertinggi di Asia Tenggara, kedua selepas Singapura dan lebih daripada dua kali kadar vaksinasi berbanding Thailand dan Indonesia. Menjelang akhir Ogos 2021, dijangkakan lebih dari separuh rakyat Malaysia yang layak menerima vaksin akan divaksin sepenuhnya. Ini merupakan langkah penting untuk keluar dari pandemik dan menuju ke arah pemulihan negara.

Sehingga kini, lapan negeri di Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 13 juta telah berada di Fasa 2 dan negeri-negeri lain akan turut sama mengorak langkah ke fasa ini. Kerajaan akan terus komited untuk menyokong rakyat serta perniagaan dalam mendepani situasi yang sukar ini.

Selagi sektor ekonomi dan sosial belum dibuka sepenuhnya, Kerajaan akan menyediakan sokongan untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat dan perniagaan. Di sebalik krisis ini, kita berpeluang untuk membina semula negara dengan lebih baik ke arah visi negara yang lebih bersatu, mampan dan makmur.

#menangbersama

Senarai Rajah

Bab	Rajah dan Tajuk	Muka Surat
1	1.1 Kes baharu, kemasukan ke ICU di hospital dan kematian	8
2	2.1 Contoh kriteria antarabangsa yang digunakan bagi membantu pelan penilaian risiko ke arah melonggarkan sekatan	14-15
	2.2 Gambaran Operasi Umum	16
	2.3 Pelan Tindakan Empat Fasa bagi Pembukaan Semula	18-19
3	3.1 Kes dan kematian kumulatif bagi setiap 100,000 penduduk untuk negara-negara terpilih	26
	3.2 Bilangan kluster antara April hingga Jun 2021 di Malaysia	29
	3.3 Pelayanan untuk individu yang disahkan kes atau kontak rapat	31
	3.4 Ringkasan Pasukan Petugas Khas Lembah Klang	33
4	4.1 Portfolio vaksin COVID-19 di Malaysia	38
	4.2 Garis masa vaksinasi mengikut kumpulan keutamaan	39
	4.3 Bekalan vaksin dan dos dirancang pada 2021 (juta dos)	40
	4.4 Sasaran dos harian dan bulanan untuk suntikan	40
	4.5 Garis masa vaksinasi kepada populasi yang layak mengikut negeri	41
	4.6 Pendaftaran vaksinasi dan status pengambilan mengikut negeri sehingga 19 Julai 2021	42
5	5.1 Ringkasan bantuan untuk rakyat menerusi pakej PEMULIH	47-50
	5.2 Sokongan untuk Aisyah	51
	5.3 Sokongan untuk Vijay	51
	5.4 Inisiatif Berterusan Pengekalan Pekerjaan dan Penggajian	52
	5.5 Ringkasan bantuan untuk perniagaan di bawah pakej PEMULIH	54-57
	5.6 Sokongan untuk Burger Sedap Enterprise	58
	5.7 Sokongan untuk VF Supplies Sdn. Bhd.	58
6	6.1 Belanjawan 2022	65

Jadual Singkatan Perkataan

Akronim	Maksud
BKC	Bantuan Khas COVID-19
BKP	Bantuan Kehilangan Pendapatan
BNM	Bank Negara Malaysia
BPR	Bantuan Prihatin Rakyat
BSN	Bank Simpanan Nasional
CAC	Pusat Penilaian COVID-19
CENDANA	Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya
CEPI	Gabungan Inovasi Persediaan Wabak
COVAX	Program Akses Global Vaksin COVID-19
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
E&E	Elektrikal dan Elektronik
EAG	Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19
EOT	Lanjutan Tempoh Masa
ESG	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
FTTIS	Mencari, Menjejaki, Menguji, Pengasingan, Sokongan
GKP	Geran Khas Prihatin
GKV	<i>Greater Klang Valley</i>
GKVSTF	Pasukan Petugas Khas Lembah Klang
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
GLOW	<i>Global Online Workforce</i>
GP	Pengamal Perubatan

Akronim	Maksud
HIDE	Pengecaman Lokasi Panas untuk Libat Urus Dinamik
HRD Corp	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
HSO	Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah
ICU	Unit Rawatan Rapi
ICU JPM	Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri
IMR	Institut Penyelidikan Perubatan
JITU	Program Jaringan Inisiatif Umum
JKJAV	Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPT-CAP	Kementerian Pengajian Tinggi Career Advancement Programme
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KWP	Kementerian Wilayah Persekutuan

Jadual Singkatan Perkataan

Akronim	Maksud
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LAKSANA	Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional
LHDNM	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
LIAM	Persatuan Insurans Hayat Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MEDAC	Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
MP	Ahli Parlimen
MPN	Majlis Pemulihan Negara
mRNA	<i>Messenger Ribonucleic Acid</i>
MTA	Persatuan Takaful Malaysia
MySTEP	<i>Short-term Employment Programme</i>
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NHS	Perkhidmatan Kesihatan Nasional
NPRA	Bahagian Regulatori Farmasi Negara
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi


Akronim	Maksud
PCR	Polimerase-Transkripsi
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi
PEMERKASA+	Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan
PEMULIH	Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
PERHEBAT	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PERMAI	Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia
PIAM	Persatuan Insurans Am Malaysia
PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
PIKAS	Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta
PIPEK	Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPD	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan
PKRC	Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah
PKS	Perusahaan Sederhana Kecil
PMO	Pejabat Perdana Menteri
PPE	Peralatan Perlindungan Peribadi
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPR	Program Perumahan Rakyat

Jadual Singkatan Perkataan

Akronim	Maksud
PPV	Pusat Pemberian Vaksin
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PSMB	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
PSU	Program Subsidi Upah
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUPUK	Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
RTK-Ag	Kit Ujian Pantas Antigen
RTPCR	Polimerase-Transkripsi Terbalik
SIP	Skim Insurans Pekerja
SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SLDN	Sistem Latihan Dua Nasional
SOP	Prosedur Operasi Standard
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TEKUN	TEKUN Nasional
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TRRF	Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar
UCL	<i>University College London</i>
UK	United Kingdom

Akronim	Maksud
UPE	Unit Perancangan Ekonomi
VOP	Perubahan Harga
W.P.	Wilayah Persekutuan
W.P. KL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
WKB 2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
YAB	Yang Amat Berhormat

PELAN PEMULIHAN NEGARA



Malaysia
**MENANG
BERSAMA**